| 15 16 17 18 19 20 | | ❖ مخرج حروف دان صيفتن. |
| 09 10 11 12 13 14 | | ❖ حكوم وقف دان ابتداء. |
| 03 04 05 06 07 08 | | ❖ جرمت دالم ملفظكن كلمه القرآن. |
| 01 02 | | ❖ فصيح دالم باجان دان برلهجه عرب. |
| | | ❖ كفتن ممويكن فتحة، كسرة دان ضمة تنقا دياليك (لوغت) كدا يرهن. |
| | | ❖ ممويكن حروف ٢ سكون دان حروف ٢ برتشديد. |
| | | ❖ كلنجرن دان كلمبوتن فد مباح كلمه ٢ دان اية ٢ القرآن (تيدق ميمبر). |

| | | | | | |
|------------|---------|-------------|----------------|------------|------|
| مرکه فتنوه | 20 / 20 | مرکه دفوتوغ | مرکه دفراوليهي | جومله مرکه | / 20 |
|------------|---------|-------------|----------------|------------|------|

فرهاتين:

أ. ستياف سوان يث كاكل دباح اتاو دسامبوغ اية / سورة دفوتوغ 4 مرکه.

تندا تاغن كوا حاكيم

تندا تاغن حاكيم

نام كوا حاكيم

نام حاكيم



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

حفظن القرآن سكوله رنده / منته

بهاكين سوارا دان كاي (10 مرکه)

Pertandingan peringkat:

- 1) PPD : _____
2) JPN : _____
3) Kebangsaan

| |
|--|
| |
| |
| |

| | | |
|---------------------|---------------------------------------|---------------------------------------|
| نومبور كيلين فسرنا: | تقت: | تاريخ: |
| كاتكوري فسرنا: | لاكي رنده <input type="checkbox"/> | لاكي منته <input type="checkbox"/> |
| | فرمقوان رنده <input type="checkbox"/> | فرمقوان منته <input type="checkbox"/> |

| مرکه يغ دفوتوغ (10 مرکه) | چاتن كساھن | فرکارا ٢ يغ دحاكيمي |
|----------------------------------|------------|--|
| 04 06 07 08 09 10 01 02 03 04 | | <ul style="list-style-type: none"> ❖ كمردوان دان كلمبوتن سوارا. ❖ سوارا ليجين دان برسبه. ❖ سوارا ترغ، لانتغ دان بات. ❖ سوارا تيدق براوبه. ❖ كاي باجان مغيكوت لهجه عرب (دري مولا هيغك اخير). |

| | | | | | |
|------------|---------|-------------|----------------|------------|------|
| مرکه فتنوه | 10 / 10 | مرکه دفوتوغ | مرکه دفراوليھي | جومله مرکه | / 10 |
|------------|---------|-------------|----------------|------------|------|

فرھاتين:

أ. مرکه لبه اكن دبري كقد سوارا يغ لبه مردو
دان دافت معھيدوفكن رنتق ٢ سوارا.

تندا تاغن كئا حاكيم

تندا تاغن حاكيم

نام كئا حاكيم

نام حاكيم



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

بورغ فثحاكين رسمي مهرجان القراء سكو له ٢ كمتين فثديدين مليسيا

داعي چيليق سكو له مرندہ

Pertandingan peringkat:

- 1) PPD : _____
- 2) JPN : _____
- 3) Kebangsaan

| |
|--|
| |
| |
| |

| | | | | | | |
|-------------------------|--|-------------------|--------|-----------|---------|--|
| Nombor Giliran Peserta: | | Kategori Peserta: | Lelaki | Perempuan | Tarikh: | |
| Tema: | | Tajuk: | | Tempat: | | |

PENJURIAN BAHAGIAN ISI (40markah)

| | | | |
|---|---|---|--|
| 1 | Kisah teladan/ccontoh/pengalaman/isu semasa/analogi | 5 | |
| 2 | Fakta/data/sirah | 5 | |
| 3 | Dalil naqli (al-Quran atau hadis) | 5 | |
| 4 | Sumber dalil naqli | 5 | |
| 5 | Terjemahan dalil naqli | 5 | |
| 6 | Kupasan dalil naqli | 5 | |
| 7 | Pengajaran/ibrah | 5 | |
| 8 | Kefahaman tajuk | 5 | |

PENJURIAN BAHAGIAN ISI (40markah)

| | | | |
|---|--|---|--|
| 1 | Bahasa yang jelas dan mudah difahami | 5 | |
| 2 | Bahasa yang digunakan sesuai, tepat dengan isi persembahan | 5 | |
| 3 | Sebutan yang fasih semasa membaca Al-Quran /hadis dan perkataan-perkataan Bahasa Arab. | 5 | |
| 4 | Membaca ayat Al-Quran dengan tajwid yang betul | 5 | |
| 5 | Membaca istiazah/basmalah sebelum membaca ayat al-Quran | 5 | |

PENJURIAN BAHAGIAN PERSEMBAHAN (85markah)

| Gaya / Persembahan (10 Markah) | | | |
|---|--|---|--|
| 1 | Berpakaian mengikut syarat | 5 | |
| 2 | Kesesuaian gaya dan persembahan | 5 | |
| Kreativiti (25 Markah) | | | |
| 3 | Variasi teknik persembahan | 6 | |
| 4 | Kesinambungan penyampaian idea | 6 | |
| 5 | Persembahan yang menarik | 6 | |
| 6 | Kemampuan menarik penonton menjiwai persembahan | 7 | |
| Hubungan dengan penonton (rapport) (30markah) | | | |
| 7 | Salam dan hamdalah | 6 | |
| 8 | Menarik perhatian penonton | 6 | |
| 9 | Hubungan mata dengan penonton | 6 | |
| 10 | Menyapa penonton (minimum 2 bentuk sapaan) | 6 | |
| 11 | Sebutan jelas | 6 | |
| Kawalan pentas dan gerakan tubuh (20markah) | | | |
| 12 | Rakaman secara <i>neutral</i> (tiada sebarang suntingan) | 5 | |
| 13 | Kawalan pentas | 5 | |
| 14 | Gerakan tubuh sesuai dan beradab | 5 | |
| 15 | Gerakan anggota tidak terlalu kaku | 5 | |

PENJURIAN PENYAMPAIAN (50markah)

| | | | |
|---|------------------------------------|----|--|
| 1 | Kelancaran penyampaian | 10 | |
| 2 | Kesesuaian nada dan intonasi suara | 10 | |
| 3 | Kepelbagaian mimik muka | 10 | |
| 4 | Penghayatan penyampaian | 10 | |
| 5 | Penyampaian yang menyakinkan | 10 | |

Ulasan/Komen Juri :

| | |
|--------------|-----------|
| MARKAH PENUH | 200 / 200 |
|--------------|-----------|

| | |
|-------------------|--|
| MARKAH DIPEROLEHI | |
|-------------------|--|

| | |
|--------------------|--|
| JUMLAH KESELURUHAN | |
|--------------------|--|

TANDATANGAN JURI:

TANDATANGAN KETUA JURI

(.....)

(.....)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

بورغ فححاكيمن تحفيظ القرآن

مهرجان القرآن سكو له ٢ (MQSS) كمنترين فنديديقن مليسيا تاهون 2021

تاريخ :

تمت :

كاتكوري : 1 - 20 جزء / 1 - 30 جزء

نومبور كيليرن فسرنا :

نومبور سيت سوالن :

بهاكين حفظ دان لنجر (45 مرکه)

| چاتن كسالهن | مرکه يغ دفوتوغ (45 مرکه) |
|---|----------------------------|
| 1. براولغ [1 مرکه] | 45 44 43 42 41 40 |
| 2. ترهني [1 مرکه] | 39 38 37 36 35 34 33 32 |
| 3. تراقق ٢ [1 مرکه] | 31 30 29 28 27 26 25 24 |
| 4. ترتيغكل / ترتبه حروف [1 مرکه] | 23 22 21 20 19 18 17 16 |
| 5. ترتيغكل / ترتبه / ساله باريس [1 مرکه] | 15 14 13 12 11 10 9 8 |
| 6. تيدق مغيكوت كهندق سوالن (اولغ/سامبوغ) [1 مرکه] | 7 6 5 4 3 2 1 |
| 7. ترتيغكل / ترتبه كلمه / اية [2 مرکه] | |
| 8. ساله سامبوغ [2 مرکه] | |
| 9. بوكن باجان تدوير [2 مرکه] | |
| 10. كاكل منجواب ساتو سوالن [9 مرکه] | |

جملة

مرکه يغ دفراوليبيهي

مرکه يغ دفوتوغ

تندا تاغن كتوا حاكيم

تندا تاغن حاكيم

نام كتوا حاكيم

نام حاكيم



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

بورغ فححاكيمن تحفيظ القرآن

مهرجان القرآن سكو له ٢ (MQSS) كمنترين فنديديقن مليسيا تاهون 2021

تاريخ :

تمقت :

كاتكوري : 1 - 20 جزء / 1 - 30 جزء

نومبور كيليرن فسرنا :

نومبور سيت سوان :

بهاكين تجويد (25مرکه)

| فرکارا يغ دحاكيمي | جاتن كساھن | مرکه يغ دفوتوغ (25 مرکه) |
|---|------------|----------------------------|
| 1. قاعدة باجان استعاذة دان بسمله [1 مرکه] | | 25 24 23 22 21 |
| 2. واجب الغنة [1 مرکه] | | |
| 3. حكوم ال الشمسية دان ال القمرية [1 مرکه] | | |
| 4. حكوم نون ساكنة دان تنوين [1 مرکه] | | 20 19 18 17 16 |
| 5. حكوم ميم ساكنة [1 مرکه] | | |
| 6. حكوم ادغام [1 مرکه] | | |
| 7. حكوم اظهار [1 مرکه] | | 15 14 13 12 11 |
| 8. حكوم مدود [1 مرکه] | | |
| 9. وجه خصوص رواية حفص [1 مرکه] | | 10 9 8 7 6 |
| 10. كاكل منجواب ساتو سوان [5 مرکه] | | 5 4 3 2 1 |

جملة

مرکه يغ دفراوليھي

مرکه يغ دفوتوغ

تندا تاغن كتوا حاكيم

تندا تاغن حاكيم

نام كتوا حاكيم

نام حاكيم



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

بورغ فحاحيمن تحفيظ القرآن

مهرجان القرآن سكو له ٢ (MQSS) كمنترين فنديدين ملبسيا تاهون 2021

تاريخ :

تمت :

نومبور سيت سوالن :

كاتكوري : 1 - 20 جزء / 1 - 30 جزء

نومبور كيليرن فسرنا :

بهاكين فصاحة (20 مرکه)

| فرکارا يغ دحاکيمي | جاتن کسالمن | مرکه يغ دفوتوغ (20 مرکه) |
|--------------------------------------|-------------|----------------------------|
| 1. صفة حروف [1م] | | 20 19 18 17 |
| 2. مخرج حروف [1م] | | |
| 3. وقف يغ مروسقن مقصود اية [1م] | | 16 15 14 13 |
| 4. ابتداء يغ مروسقن مقصود اية [1م] | | |
| 5. حکوم ترفيق / تفخيم [1م] | | 12 11 10 9 |
| 6. حکوم قلقله [1م] | | |
| 7. حکوم لام التعليل [1م] | | 8 7 6 5 |
| 8. تيدق جرمت ملفظکن حروف / کلمه [1م] | | |
| 9. باجان يغ ترفوتوس نفس [1م] | | 4 3 2 1 |
| 10. کاکل منجواب ساتو سوالن [4م] | | |

جملة

مرکه يغ دفراوليبي

مرکه يغ دفوتوغ

تندا تاغن کتوا حاکيم

تندا تاغن حاکيم

نام کتوا حاکيم

نام حاکيم



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

بورغ فححاكيمن تحفيظ القرآن

مهرجان القرآن سكو له ٢ (MQSS) كمنترين فنديديقن مليسيا تاهون 2021

تاريخ :

تمثت :

نومبور سيت سوانن :

كاتكوري : 1 - 20 جزء / 1 - 30 جزء

نومبور كيليرن فسرنا :

بهاكين سوارا (10 مرکه)

| مرکه يغ دفوتوغ (10 مرکه) | جاتن كساھن | فركارا يغ دحاكيمي |
|----------------------------|------------|---|
| 9 10 | | 1. سوارا سرق، فاراو [1 مرکه] 2. سوارا فجه [1 مرکه] 3. سوارا ترفوتوس [1 مرکه] 4. سوارا لمه [1 مرکه] 5. سوارا كرس [1 مرکه] 6. سوارا يغ براويه كواليبي [1 مرکه] 7. كاكل منجواب ساتو سوانن [2 مرکه] |
| 5 6 7 8 | | |
| 1 2 3 4 | | |

جملة

مرکه يغ دفراوليھي

مرکه يغ دفوتوغ

تندا تاغن كتوا حاكيم

تندا تاغن حاكيم

نام كتوا حاكيم

نام حاكيم



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN
FESTIVAL KESENIAN ISLAM SEKOLAH-SEKOLAH
(FKISS) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
TAHUN 2021
(SECARA DALAM TALIAN)**

Disediakan oleh:

Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia
2021

KANDUNGAN

Garis Panduan Pertandingan

1. e-Pertandingan Nyanyian Solo Lagu Kerohanian4
2. Pertandingan Seni Khat Siber10

SENARAI PERTANDINGAN

1. Berikut adalah senarai acara pertandingan yang ditawarkan secara dalam talian bagi tahun 2021:

| Bil | Acara | Kategori | |
|-----|--|------------------|-----------|
| 1. | e-Pertandingan Nyanyian Solo Lagu Kerohanian | Sekolah Rendah | Lelaki |
| 2. | e-Pertandingan Nyanyian Solo Lagu Kerohanian | Sekolah Rendah | Perempuan |
| 3. | e-Pertandingan Nyanyian Solo Lagu Kerohanian | Sekolah Menengah | Lelaki |
| 4. | e-Pertandingan Nyanyian Solo Lagu Kerohanian | Sekolah Menengah | Perempuan |
| 5. | Pertandingan Seni Khat Siber | Sekolah Rendah | Lelaki |
| 6. | Pertandingan Seni Khat Siber | Sekolah Rendah | Perempuan |
| 7. | Pertandingan Seni Khat Siber | Sekolah Menengah | Lelaki |
| 8. | Pertandingan Seni Khat Siber | Sekolah Menengah | Perempuan |

* Sekolah Rendah : Tahun satu hingga tahun enam
 Sekolah Menengah : Tingkatan peralihan hingga tingkatan enam

2. Kategori penyertaan peserta adalah berdasarkan kelas yang didaftarkan pada tahun 2021.
3. Pertandingan ini dilaksanakan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.

GARIS PANDUAN
e-PERTANDINGAN NYANYIAN SOLO LAGU KEROHANIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
TAHUN 2021

PENGENALAN

1. Garis panduan ini diedarkan kepada semua Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah sebagai rujukan pengurusan aktiviti adab dan nilai yang berbentuk pertandingan secara dalam talian bagi tahun 2021. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama arahan terkini Majlis Keselamatan Negara (MKN).
2. Pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan murid menceburi pertandingan nyanyian solo lagu kerohanian secara dalam talian.
3. Borang penyertaan hendaklah dihantar kepada pihak urus setia pertandingan mengikut ketetapan berikut:

| Peringkat | Urus setia | Tempoh Penghantaran Bahan | Tarikh Penjurian |
|------------------|--|----------------------------------|------------------------------|
| 1. Daerah | Pejabat Pendidikan Daerah | 01 April hingga 30 April 2021 | 01 Mei hingga 21 Mei 2021 |
| 2. Negeri | Sektor Pendidikan Islam, JPN | 23 Mei hingga 23 Jun 2021 | 24 Jun hingga 09 Julai 2021 |
| 3. Kebangsaan | Sektor Pembangunan Program Adab dan Nilai, BPI KPM | 11 Julai hingga 28 Julai 2021 | 29 Julai hingga 01 Ogos 2021 |

DEFINISI

4. e-Pertandingan Nyanyian Solo Lagu Kerohanian bermaksud lantunan bunyi yang merdu membabitkan suara, sebutan, nada, intonasi, mimik muka, gerak badan dengan gaya bersesuaian yang memberi makna dan hubungkait terhadap teras nilai kemanusiaan melalui senikata lagu-lagu berunsur kerohanian. Ianya sebagai salah satu penjelmaan bagi ekspresi idea dan minda dalam pembentukan adab serta nilai bagi semua warganegara Malaysia.
5. Pertandingan ini bertujuan bagi mencungkil bakat murid selain meningkatkan keyakinan diri murid melalui persembahan nyanyian lagu kerohanian di mana hiburan yang bermanfaat bukan sahaja dapat mengisi kehendak naluri seorang insan, malah dapat memupuk tingkah laku positif dalam kalangan mereka yang menghayatinya. Genre lagu berunsur kerohanian dilihat sebagai satu bentuk hiburan yang dapat memenuhi kriteria ini. Di samping berhibur, murid-murid dapat mengambil manfaat daripada lirik-lirik lagu yang mengajak kepada perkara positif.

TERMA DAN SYARAT

SYARAT UMUM PENYERTAAN

6. e-Pertandingan Nyanyian Solo Lagu Kerohanian terbuka kepada semua murid Sekolah Rendah tahun 1 hingga tahun 6 dan Sekolah Menengah tingkatan peralihan hingga tingkatan 6 sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia **sahaja**.
7. Kategori penyertaan peserta adalah berdasarkan kelas yang didaftarkan pada tahun 2021.
8. Pertandingan terbahagi kepada 4 kategori iaitu:

| Acara | Kategori | |
|---|--|-----------|
| 1. e-Pertandingan Nyanyian Solo Lagu Kerohanian | Sekolah Rendah (Tahun 1 - 6) | Lelaki |
| 2. e-Pertandingan Nyanyian Solo Lagu Kerohanian | Sekolah Rendah (Tahun 1 - 6) | Perempuan |
| 3. e-Pertandingan Nyanyian Solo Lagu Kerohanian | Sekolah Menengah (Tingkatan peralihan - 6) | Lelaki |
| 4. e-Pertandingan Nyanyian Solo Lagu Kerohanian | Sekolah Menengah (Tingkatan peralihan - 6) | Perempuan |

9. Peserta perlu menyanyikan lagu secara solo dan boleh menyanyikan lagu serta lirik lagu yang sedia ada di pasaran atau ciptaan baharu.
10. Lagu yang dinyanyikan tidak boleh menyentuh isu-isu sensitif dan negatif mana-mana pihak.
11. Setiap peserta hanya boleh menghantar satu video nyanyian solo lagu kerohanian.

SYARAT KHAS PERTANDINGAN

TEMA

12. Tema nyanyian adalah lagu kerohanian.

PAKAIAN PESERTA

13. Pakaian peserta mestilah menutup aurat dengan sempurna dan sopan. Peserta lelaki perlu berbaju kebangsaan yang lengkap; bersamping dan bersongkok hitam. Peserta perempuan pula perlu berbaju kurung, bertudung yang sempurna dan sopan. Aksesori tambahan dibenarkan.

SUARA

14. Penghakiman suara adalah daripada aspek kualiti ton, ketepatan pic, nada, frasa, sebutan, dinamik, keseimbangan dan harmoni.
15. Sebarang intro dan outro lagu **tidak dibenarkan**.
16. Penggunaan mikrofon sangat digalakkan bagi mendapatkan kualiti suara yang terbaik.

LAGU

17. Setiap penyanyi solo dikehendaki mempersembahkan sebuah lagu sahaja.
18. Peserta boleh menyanyikan lagu yang sedia ada di pasaran atau ciptaan baharu.

LIRIK

19. Peserta boleh menggunakan lirik yang sedia ada di pasaran atau ciptaan baharu.
20. Lirik lagu hendaklah menepati tema yang ditetapkan oleh pihak urus setia.
21. Lirik lagu boleh menggunakan Bahasa Melayu/Bahasa Arab/Bahasa Inggeris secara sepenuhnya atau secara gabungan antara ketiga-tiga bahasa tersebut.

PERSEMBAHAN

22. Persembahan penyanyi solo bermula daripada mula muzik hinggalah berakhir muzik (berdasarkan ketetapan yang ditentukan oleh juri).
23. Hanya pergerakan yang bersesuaian dengan lagu, lirik dan muzik yang disampaikan dan tidak keterlaluan dibenarkan. Pergerakan yang tidak keterlaluan bermaksud tiada unsur tarian dan unsur yang mengganggu sensitiviti agama Islam.
24. Setiap penyanyi solo dilarang mempersembahkan unsur puisi, sajak, pentomen dan seumpamanya dalam persembahan.

MUZIK

25. Iringan muzik hendaklah dipersembahkan secara *minus one*.

MASA

26. Setiap penyanyi solo diberi masa antara 3 hingga 5 minit sahaja untuk mempersembahkan lagu.
27. Masa dikira bermula daripada mula muzik hinggalah berakhir muzik (berdasarkan ketetapan yang ditentukan oleh juri).
28. Pemotongan markah berlaku sekiranya masa kurang atau lebih dari yang telah ditetapkan.

PENILAIAN JURI

29. Setiap penyertaan akan melalui proses penilaian aspek berikut:

- i. Suara (50 markah)
 1. Ketepatan pic, nada dan frasa - 10 markah
 2. Keseimbangan/harmoni - 10 markah
 3. Dinamik - 10 markah
 4. Kualiti ton - 10 markah
 5. Kejelasan sebutan - 10 markah
- ii. Persembahan (30 markah)
 1. Koreografi - 10 markah
 2. Ketepatan gaya - 08 markah
 3. Ekspresi - 05 markah
 4. Pakaian dan aksesori - 05 markah
 5. Bonus - 02 markah
- iii. Kreativiti (20 markah)
 1. Irama masri/kontemporari - 10 markah
 2. Alunan qasidah/kreativiti - 10 markah

PENGHANTARAN KARYA

30. Setiap peserta perlu melengkapkan borang penyertaan secara dalam talian menggunakan aplikasi *google form* yang disediakan oleh urus setia di setiap peringkat dengan menyertakan item berikut:
 - i. acara;
 - ii. kategori;
 - iii. nama penuh;
 - iv. nombor kad pengenalan;
 - v. jantina;
 - vi. agama;
 - vii. nama kelas;
 - viii. nama sekolah;

- ix. nama daerah;
 - x. nama negeri;
 - xi. e-mel untuk dihubungi;
 - xii. nombor telefon untuk dihubungi; dan
 - xiii. pautan rakaman video dari youtube (tetapan *unlisted*) atau sisipan (*attachment*).
31. Rakaman video hendaklah dilakukan secara berterusan dan perlu memenuhi kriteria berikut:
- i. rakaman video secara melintang (*landscape*);
 - ii. rakaman berkualiti tinggi;
 - iii. durasi rakaman antara 3 hingga 5 minit (maksimum);
 - iv. suntingan audio dan video tidak dibenarkan;
 - v. suntingan latar belakang layar hijau (*green screen*) tidak dibenarkan;
 - vi. rakaman tidak boleh mengandungi pengenalan diri, sekolah, daerah atau negeri; dan
 - vii. penghantaran video menggunakan platform dalam talian (*online*) seperti *Telegram*, *Google Drive*, *Youtube* (tetapan *unlisted*), *BIP* dan lain-lain.
32. Karya yang dihantar menjadi hak milik penganjur. Pihak penganjur berhak menyunting, mencetak, menerbit dan menggunakan bahan tersebut untuk sebarang bentuk tujuan.
33. Keputusan panel juri adalah **MUKTAMAD** dan sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dipertimbangkan.
34. Pemenang akan dimaklumkan melalui e-mel atau panggilan telefon urus setia berikut:

| PERINGKAT | URUS SETIA |
|------------|---------------------------------|
| Daerah | Pejabat Pendidikan Daerah |
| Negeri | Jabatan Pendidikan Negeri |
| Kebangsaan | Kementerian Pendidikan Malaysia |

35. Hadiah akan disampaikan kepada pemenang pada tarikh yang akan ditetapkan oleh pihak penganjur.

Disediakan oleh:

Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia

BORANG PENJURIAN
e-PERTANDINGAN NYANYIAN SOLO LAGU KEROHANIAN
SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2021

| | |
|-------------------------|--|
| Nama peserta: | |
| Kategori: | |
| Pertandingan peringkat: | sekolah / daerah / negeri / kebangsaan |
| Tajuk lagu: | |
| Tarikh penjurian: | |

| Suara 50 markah | Persembahan 30 markah | Kreativiti 20 markah |
|---|---|---|
| Ketepatan pic, nada dan frasa 10 markah | Koreografi 10 markah | Irama masri/kontemporari 10 markah |
| Keseimbangan/harmoni 10 markah | Ketepatan gaya 8 markah | Alunan qasidah/Kreativiti 10 markah |
| Dinamik 10 markah | Ekspresi 5 markah | |
| Kualiti ton 10 markah | Pakaian dan Aksesori 5 markah | |
| Kejelasan sebutan 10 markah | Bonus 2 markah | |
| Markah diperolehi: | Markah diperolehi: | Markah diperolehi: |

| | |
|---------------|--|
| Jumlah Markah | |
| Nama Juri | |
| Tandatangan | |

**GARIS PANDUAN
PERTANDINGAN SENI KHAT SIBER
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
TAHUN 2021**

PENGENALAN

1. Garis panduan ini diedarkan kepada semua Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah sebagai rujukan pengurusan aktiviti adab dan nilai yang berbentuk pertandingan secara dalam talian bagi tahun 2021. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama arahan terkini Majlis Keselamatan Negara (MKN).
2. Pertandingan secara dalam talian ini dilaksanakan agar program pembangunan adab dan nilai dapat diteruskan bagi tahun 2021.
3. Pertandingan ini bertujuan bagi menggalakkan murid menceburi bidang seni tulisan khat secara dalam talian.
4. Pertandingan terbahagi kepada 4 kategori iaitu:

| Kategori | Kelas | Jenis Khat | Saiz Kertas |
|--------------------------------|-------------------------|-----------------------------|-------------|
| 1. Sekolah Rendah: Lelaki | Tahun 4 -6 | <i>Nasakh & Req'ah</i> | A3 |
| 2. Sekolah Rendah: Perempuan | Tahun 4 - 6 | <i>Nasakh & Req'ah</i> | A3 |
| 3. Sekolah Menengah: Lelaki | Tingkatan peralihan - 6 | <i>Thuluth & Nasakh</i> | A3 |
| 4. Sekolah Menengah: Perempuan | Tingkatan peralihan - 6 | <i>Thuluth & Nasakh</i> | A3 |

TERMA DAN SYARAT

5. Penyertaan adalah terbuka kepada semua murid yang bersekolah di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2021.
6. Teks untuk **kategori sekolah rendah lelaki dan perempuan** seperti berikut:

| JENIS | TEKS |
|--------------------|--|
| Khat <i>Nasakh</i> | تَعَلَّمُوا الْعَرَبِيَّةَ فَإِنَّهَا تُثَبِّتُ الْعَقْلَ وَتَزِيدُ فِي الْمُرُوءَةِ |
| Khat <i>Req'ah</i> | فلا جريله بهاس عرب کران اي مغواتکن عقل دان منمبهکن مرواه |

7. Teks untuk **kategori sekolah menengah lelaki dan perempuan** seperti berikut:

| JENIS | TEKS |
|--------------|---|
| Khat Thuluth | <p>مَنْ لَمْ يَتَحَمَّلْ ذُلَّ التَّعْلِيمِ سَاعَةً يَتَحَمَّلْ ذُلَّ الْجَهْلِ طُولَ الْعُمُرِ</p> |
| Khat Nasakh | <p>سسياڤ يڠ تيدق برداي منڠكوڠ سديكيت كسو كرن كتيك بلاجر، دي اكن منڠكوڠ كهيناءن جاهيل سقنچع حياء</p> |

8. Setiap murid hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan sahaja bagi mewakili sekolah/daerah/negeri kepada urus setia pertandingan di peringkat daerah/negeri/ kebangsaan.
9. Setiap peserta mestilah menghantar karya khat masing-masing kepada pihak penganjur **berserta** rakaman video yang dirakam ketika karya tersebut sedang dihasilkan.
10. Rakaman video hendaklah serupa seperti karya khat yang dihantar. Sekiranya tidak serupa, pihak penganjur berhak membatalkan penyertaan tersebut.
11. Rakaman hendaklah dilaksanakan di posisi hadapan peserta (tidak serong dan bukan di posisi tepi) serta rakaman tersebut mestilah dibuat meliputi muka, tangan dan karya khat yang sedang dihasilkan. Peserta hendaklah memastikan agar sistem pencahayaan rakaman video tersebut terang dan jelas.
12. Peserta hendaklah menggunakan dakwat hitam bagi penulisan **teks** karya khat, manakala penggunaan dakwat lain selain warna hitam bagi hiasan tepi atau awan larat adalah dibenarkan.
13. Peserta dikehendaki **mempamerkan karya khat** yang telah dihasilkan di hadapan kamera dalam tempoh 5 hingga 10 saat seurus selepas selesai penghasilan karya tersebut.
14. Penghantaran setiap hasil karya khat kepada pihak urus setia hendaklah dalam bentuk asli (kertas putih bersaiz A3) **tanpa** bingkai kayu, balutan kekal dan seumpamanya.

15. Borang penyertaan hendaklah dihantar kepada pihak urus setia pertandingan mengikut ketetapan berikut:

| Peringkat | Urus setia | Tempoh Penghantaran Bahan | Tarikh Penjurian |
|---------------|--|-------------------------------|------------------------------|
| 1. Daerah | Pejabat Pendidikan Daerah | 01 April hingga 30 April 2021 | 01 Mei hingga 21 Mei 2021 |
| 2. Negeri | Sektor Pendidikan Islam, JPN | 23 Mei hingga 23 Jun 2021 | 24 Jun hingga 09 Julai 2021 |
| 3. Kebangsaan | Sektor Pembangunan Program Adab dan Nilai, BPI KPM | 11 Julai hingga 28 Julai 2021 | 29 Julai hingga 01 Ogos 2021 |

PENILAIAN JURI

16. Setiap penyertaan akan dinilai berdasarkan aspek berikut:

- 16.1 Kaedah dan keaslian tulisan (75 markah);
- 16.2 Susunan dan kreativiti (15 markah); dan
- 16.3 Hiasan dan kekemasan (10 markah).

PENGHANTARAN KARYA

17. Setiap peserta perlu melengkapkan borang penyertaan secara dalam talian menggunakan aplikasi *google form* yang disediakan oleh urus setia di setiap peringkat dengan menyertakan item berikut:

- i. acara;
- ii. kategori;
- iii. nama penuh;
- iv. nombor kad pengenalan;
- v. jantina;
- vi. agama;
- vii. nama kelas;
- viii. nama sekolah;
- ix. nama daerah;
- x. nama negeri;
- xi. e-mel untuk dihubungi;
- xii. nombor telefon untuk dihubungi; dan
- xiii. pautan rakaman video dari youtube (tetapan *unlisted*) atau sisipan (*attachment*).

18. Rakaman video persembahan perlu memenuhi kriteria berikut:

- i. rakaman video secara melintang (*landscape*);
- ii. rakaman berkualiti tinggi;
- iii. suntingan video tidak dibenarkan;
- iv. rakaman tidak boleh mengandungi pengenalan diri, sekolah, daerah atau negeri;
- v. penghantaran video menggunakan platform dalam talian (*online*) seperti *Telegram*, *Google Drive*, *Youtube* (tetapan *unlisted*), *BIP* dan lain-lain.

19. Karya yang dihantar menjadi hak milik penganjur. Pihak penganjur berhak menyunting, mencetak, menerbit dan menggunakan bahan tersebut untuk sebarang bentuk tujuan.

20. Keputusan panel juri adalah **MUKTAMAD** dan sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dipertimbangkan.

21. Pemenang akan dimaklumkan melalui e-mel atau panggilan telefon urus setia berikut:

| PERINGKAT | URUS SETIA |
|------------|---------------------------------|
| Daerah | Pejabat Pendidikan Daerah |
| Negeri | Jabatan Pendidikan Negeri |
| Kebangsaan | Kementerian Pendidikan Malaysia |

22. Hadiah akan disampaikan kepada pemenang pada tarikh yang akan ditetapkan oleh pihak penganjur.

Disediakan oleh:

Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia

**BORANG PENJURIAN
PERTANDINGAN SENI KHAT SIBER SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2021**

| | |
|--------------------------|------------------------------|
| Nama peserta: | |
| Kategori: | |
| Pertandingan peringkat: | Daerah / Negeri / Kebangsaan |
| Rakaman Video Timelapse: | Ada / tiada |
| Tarikh penjurian: | |

| Kaedah dan keaslian tulisan 75 markah | Susunan dan kreativiti 15 markah | Hiasan dan kekemasan 10 markah |
|---|--|---|
| <p>1. Kaedah khat (60 markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menepati kaedah khat yang ditetapkan. • Kekuatan bentuk huruf. • Sambungan huruf. <p>2. Ejaan (Perkataan, Huruf, titik dan baris) (15 markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tertinggal perkataan ditolak 10-15 markah. • Tertinggal dan ditambah huruf ditolak 5-10 markah. • Tertinggal dan ditambah titik ditolak 1-5 markah. • Tersilap baris ditolak 1-5 markah. | <p>3. Susunan dan kreativiti (15 markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rekabentuk karya. • Susunan atur huruf. • Keseragaman huruf dan kedudukan baris. • Keseimbangan susunan karya. • Penggunaan dakwat hitam pada teks. | <p>4. Corak Hiasan (5 markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Motif zukhruf Islamiah (hiasan tepi) sahaja. • Motif tumbuhan dan geometri digalakkan. <p>5. Kebersihan Karya (5 markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kesan dakwat yang berlebihan. • Kesan lakaran pensil. • Kesan pembedulan. |
| Markah diperolehi: | Markah diperolehi: | Markah diperolehi: |

| | |
|---------------|--|
| Jumlah Markah | |
| Nama Juri | |
| Tandatangan | |

**PERTANDINGAN SENI KHAT SIBER SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2021**

PERAKUAN KEASLIAN KARYA KHAT

Saya (.....) bernombor kad pengenalan (.....) dengan ini mengakui bahawa:

1. semua butiran diri yang diberikan adalah benar;
2. karya khat yang dihantar adalah hasil tulisan/ciptaan saya sepenuhnya;
3. saya bertanggungjawab sepenuhnya terhadap karya yang dihantar; dan
4. saya bersetuju bahawa hasil karya khat ini akan menjadi hak milik penganjur serta boleh digunakan oleh pihak penganjur bagi sebarang tujuan.

Tandatangan :

Nama :

No. Kad

Pengenalan :

Pengesahan Guru Besar/Pengetua

Tandatangan :

Cop jawatan :

Untuk rekod urus setia

Tarikh diterima :

Nama penerima :

Jawatan penerima :



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN
MAHAJAN LUGHAWI WA QURANI SEKOLAH-
SEKOLAH (MALQUSS)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
TAHUN 2021 (SECARA DALAM TALIAN)**

Disediakan oleh
Pembangunan Program Adab dan Nilai
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia
2021

KANDUNGAN**Garis Panduan Pertandingan**

| | |
|---|-----------|
| 1. e-Qiraatus Sab'ie Bit Tarannum | 4 |
| 2. e-Kalimatus Sobah..... | 11 |
| 3. e-Mimbar Daie Bahasa Mandarin | 16 |

SENARAI PERTANDINGAN

- Berikut adalah senarai acara pertandingan yang ditawarkan secara dalam talian bagi tahun 2021:

| | Acara Sekolah Rendah | Kategori | |
|-----|-------------------------------|-----------------|-----------|
| 1. | e-Qiraatus Sabie Bit Tarannum | Menengah Rendah | Lelaki |
| 2. | e-Qiraatus Sabie Bit Tarannum | Menengah Rendah | Perempuan |
| 3. | e-Qiraatus Sabie Bit Tarannum | Menengah Atas | Lelaki |
| 4. | e-Qiraatus Sabie Bit Tarannum | Menengah Atas | Perempuan |
| 5. | e-Kalimatus Sobah | Menengah Rendah | Lelaki |
| 6. | e-Kalimatus Sobah | Menengah Rendah | Perempuan |
| 7. | e-Kalimatus Sobah | Menengah Atas | Lelaki |
| 8. | e-Kalimatus Sobah | Menengah Atas | Perempuan |
| 9. | e-Mimbar Daie Bahasa Mandarin | Menengah | Lelaki |
| 10. | e-Mimbar Daie Bahasa Mandarin | Menengah | Perempuan |

* Menengah Rendah : Tingkatan peralihan, satu, dua dan tiga
 Menengah Atas : Tingkatan empat, lima, enam

- Kategori penyertaan peserta adalah berdasarkan kelas yang didaftarkan pada tahun 2021.
- Pertandingan ini dilaksanakan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.

1. e-QIRAATUS SABIE BIT TARANNUM

PENGENALAN

- 1.1. Garis panduan ini diedarkan kepada semua Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah sebagai rujukan pengurusan aktiviti adab dan nilai yang berbentuk pertandingan secara dalam talian bagi tahun 2021. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama arahan terkini Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- 1.2. Pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan murid menceburi **bidang seni tarannum Al-Quran dengan qiraat** secara dalam talian.
- 1.3. Borang penyertaan haruslah dihantar kepada pihak urus setia pertandingan mengikut ketetapan berikut:

| Pelaksanaan Peringkat | Urus setia | Tempoh Penghantaran Bahan | Tempoh Penjurian |
|-----------------------|--|---------------------------|-------------------|
| 1. Daerah | Pejabat Pendidikan Daerah | 1 hingga 31 Mei 2021 | 1 – 10 Jun 2021 |
| 2. Negeri | Jabatan Pendidikan Negeri | 1 hingga 30 Jun 2021 | 1 – 10 Julai 2021 |
| 3. Kebangsaan | Sektor Pembangunan Adab dan Nilai, BPI KPM | 1 hingga 31 Julai 2021 | 19-22 Ogos 2021 |

TERMA DAN SYARAT

- 1.4. Penyertaan adalah terbuka kepada semua murid Islam sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2021.
- 1.5. Kategori penyertaan peserta adalah berdasarkan kelas yang didaftarkan pada tahun 2021.
- 1.6. Kategori pertandingan terbahagi kepada 4 iaitu:

| Kategori | Kelas |
|--------------------------------|-----------------|
| 1. Menengah Rendah - Lelaki | Tingkatan 1 – 3 |
| 2. Menengah Rendah - Perempuan | Tingkatan 1 – 3 |
| 3. Menengah Atas - Lelaki | Tingkatan 4 – 6 |
| 4. Menengah Atas - Perempuan | Tingkatan 4 – 6 |

- 1.7. Setiap murid hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan sahaja kepada urus setia di peringkat sekolah masing-masing. Penyertaan peringkat daerah, negeri dan kebangsaan berdasarkan kategori yang telah ditetapkan.

- 1.8. Semua rakaman penyertaan tidak boleh dimuat naik ke mana-mana portal/media sosial/blog sebelum keputusan diumumkan secara rasmi oleh pihak penganjur.
- 1.9. Semua rakaman penyertaan yang diterima oleh pihak penganjur akan menjadi hak milik Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. Pihak penganjur berhak menggunakan rakaman video tersebut dalam apa jua bentuk tujuan.
- 1.10. Pihak penganjur berhak menolak atau membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak mengikut atau memenuhi terma dan syarat pertandingan.
- 1.11. Setiap peserta perlu melengkapkan borang penyertaan secara dalam talian menggunakan aplikasi *google form* yang disediakan oleh urus setia di setiap peringkat dengan menyertakan item berikut:
 - 1.11.1. acara;
 - 1.11.2. kategori;
 - 1.11.3. nama penuh;
 - 1.11.4. nombor kad pengenalan;
 - 1.11.5. jantina;
 - 1.11.6. nama kelas;
 - 1.11.7. nama sekolah;
 - 1.11.8. nama daerah;
 - 1.11.9. nama negeri;
 - 1.11.10. e-mel untuk dihubungi;
 - 1.11.11. nombor telefon untuk dihubungi; dan
 - 1.11.12. pautan rakaman video dari *youtube* (tetapan *unlisted*) atau sisipan (*attachment*).
- 1.12. Rakaman video persembahan perlu memenuhi kriteria berikut :
 - 1.12.1. secara melintang (*landscape*).
 - 1.12.2. rakaman berkualiti tinggi.
 - 1.12.3. durasi rakaman tidak melebihi 8 minit.
 - 1.12.4. suara rakaman hendaklah asli tanpa unsur tambahan seperti gema (*echo*), lantunan (*reverb*) dan seumpamanya.
 - 1.12.5. suntingan audio dan video tidak dibenarkan.
 - 1.12.6. suntingan latar belakang layar hijau (*green screen*) tidak dibenarkan.
 - 1.12.7. rakaman tidak boleh mengandungi pengenalan diri, sekolah, daerah atau negeri.
 - 1.12.8. penghantaran video hendaklah menggunakan platform dalam talian (*online*) seperti *Telegram, Google Drive, Youtube* (tetapan *unlisted*), *BIP* dan lain-lain.
- 1.13. Kriteria di atas adalah bagi mengekalkan keaslian persembahan murid.
- 1.14. Penggunaan mikrofon sangat digalakkan bagi mendapatkan kualiti suara yang terbaik.

- 1.15. Pakaian peserta mestilah menutup aurat dengan sempurna dan sopan di mana peserta lelaki perlu berbaju kebangsaan yang lengkap; bersamping dan bersongkok hitam. Peserta perempuan pula perlu berbaju kurung, bertudung yang sempurna dan sopan.
- 1.16. Pihak penganjur berhak menolak atau membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak mengikut atau memenuhi terma dan syarat pertandingan.

PELAKSANAAN UJIAN

- 1.17. Rakaman hendaklah secara berterusan dihadapan Hakim Fatih Munabbih.
- 1.18. Setiap peserta diwajibkan menjawab **EMPAT** soalan dari satu set soalan yang dipilih.
- 1.19. Tiada had masa yang diperuntukkan untuk menjawab soalan, namun Hakim Fatih Munabbih berhak menamatkan sesi ujian mana-mana peserta sekiranya peserta dilihat tidak lancar dalam bacaan serta mengambil masa terlalu lama untuk menjawab.
- 1.20. Peserta dikehendaki menjawab mengikut **wajah qiraat** yang ditetapkan di dalam soalan sahaja.

PENGHAKIMAN

- 1.21. Setiap penyertaan akan melalui proses penilaian aspek berikut:
- 1.21.1. Qiraatus Sab'ie (40 markah)
 - 1.21.2. Tarannum (25 markah)
 - 1.21.3. Tajwid (20 markah)
 - 1.21.4. Fasahah (15 markah)
- 1.22. Keputusan panel kehakiman adalah MUKTAMAD dan sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dipertimbangkan.
- 1.23. Pemenang akan dimaklumkan melalui e-mel dan panggilan telefon oleh urus setia seperti berikut:

| Peringkat | Urus setia |
|---------------|---|
| 1. Daerah | Urus setia di Pejabat Pendidikan Daerah |
| 2. Negeri | Urus setia di Jabatan Pendidikan Negeri |
| 3. Kebangsaan | Urus setia di Kementerian Pendidikan Malaysia |

- 1.24. Hadiah akan disampaikan kepada pemenang pada tarikh yang akan ditetapkan oleh pihak penganjur kelak.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

بورغ فحاحكيمن قراءات السبع بالترتم
كمنترين فنديديقن مليسيا فريغكت كبغساءن

كاتكوري : للاكي / فرمشوان

تاريخ :

نومبور كيليرن فسرنا :

تمقت :

بهاكين القراءات السبع (40 مرکه)

| مرکه يغ دفوتوغ (40) | جاتن كسالهن | قراءة/رواية | سورة | فرکارا يغ دحاکيمي |
|-------------------------|-------------|-------------|------|---|
| 40 39 38 37 36 35 34 33 | | | | 1. وجه ۲ باجاءن مغيكوت رواية يغ سبنر 2. سبوتن تقليل، امالة، تحقيق يغ تفت 3. سبوتن ترفيق الرء، تغليظ اللام، سكته دان نقل يغ تفت |
| 32 31 30 29 28 27 26 25 | | | | 4. صلة ميم الجمع، هاء الكناية قدر مد يغ منقهي رواية |
| 24 23 22 21 20 19 18 17 | | | | 5. ميمشورناكن تثليث البدل / إدغام الكبير 6. ميمشورناكن سبوتن إشماء / روم |
| 16 15 14 13 12 11 10 9 | | | | |
| 8 7 6 5 4 3 2 1 | | | | |

جمله

مرکه دفراوليهي

جمله فوتوغن

مرکه فنوه 40

.....

تندا تاغن كتوا حاكيم

.....

نام كتوا حاكيم

.....

تندا تاغن حاكيم

.....

نام حاكيم



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

بورغ فححاكيمن قراءات السبع بالترنم
كمنترين فنديديقن مليسيا فريغكت كبغساءن

كاتكوري : للاكي / فرمشوان

نومبور كيليرن فسرنا :

بهاكين ترنم (25 مرکه)

تاريخ :

تمثت :

| مرکه ايستيميو (3 مرکه) | مرکه يغ دفوتوغ | چاتن كسالهن | نام ترنم | فرکارا يغ دحاكيمي |
|---|----------------|-------------|----------|---|
| 1. سوارا يغ امت مردو. 2. رنتق ترنم يغ برباکاي- باکاي لبيه درفد تيک ترنم. 3. سوارا يغ مغندوغي سکورغ- کورغن 3 طبقات دغن باعيق. | | | | 1. ترنم عرب مصري يغ معتبر سکورغ-کورغن 3 ترنم ترماسوق ترنم بياتي فد سوائن فرتام |
| | | | | 2. ستياف ترنم دسمفورناکن سجارا تراتور سکورغ-کورغن 4 حرکه. 3. ستياف ترنم دسمفورناکن دالم 3 طبقات. |
| | | | | 4. ستياف ترنم دباوا دغن تراتور دان ترسوسون، تيدق برچمشور ادوق کجوالي واصله مائله. 5. ستياف ترنم دان حرکتن ممشوپاي کاي کلمبوتن الونن تنفا حاجت اتاو سومبغ. 6. کسومبغن فد سوارا : کاسر، فجه، سرق دان کتقاتن نادا. 7. باجاءن تدوير دان حدر هندقله دفوتوغ 5 مرکه باکي ستياف سوالن. |

جمله

مرکه دفراوليهي

جمله فوتوغن

مرکه فنوه 25

.....

تندا تاغن کتوا حاکيم

.....

نام کتوا حاکيم

.....

تندا تاغن حاکيم

.....

نام حاکيم



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

بورغ فححاكيمن قراءات السبع بالترنم
كمنترين فنديديقن مليسيا فريغكت كبغساءن

تاريخ :

تمت :

كاتكوري : للاكي / فرمشوان

نومبور كيليرن فسرنا :

بهاكين تجويد (20 مرکه)

| ايسيميوا (1 مرکه) | مرکه يغ دفوتوغ | جاتن كسالهن | فركارا يغ دحاكيمي |
|-----------------------------------|---|-------------|--|
| 1. سمقورنا سبوتن حروف دان صفة. | 16 17 18 19 20 15 14 13 12 11 6 7 8 9 10 5 4 3 2 1 | | 1. مخارج دان صفات الحروف 2. حكوم لام دان راء يغ بوكن خلاف قراءات 3. حكوم نون ساكنة دان تنوين يغ بوكن خلاف قراءات 4. حكوم ميم ساكنة 5. حكوم نون دان ميم مشددتين 6. ميمقورناكن قدر غنة 2 حركة 7. حكوم مد اصلي دان مد عارض للسكون 8. حكوم تجويد يغ بركاءين بوكن خلاف قراءات |

جمله

مرکه دفراوليهي

جمله فوتوغن

مرکه فنوه

.....

تندا تاغن كتوا حاكيم

.....

نام كتوا حاكيم

.....

تندا تاغن حاكيم

.....

نام حاكيم



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

بورغ فححاكيمن قراءات السبع بالترنم
كمنترين فنديديقن مليسيا فريغكت كبغساءن

تاريخ :

تمت :

كاتكوري : للاكي / فمقوان
نومور كيليرن فسرنا :

بهاكين فصاحة (15 مرکه)

| ايسيميوا (2 مرکه) | مرکه يغ دفوتوغ (13) | جاتن كسالهن | فركارا يغ دحاكيمي |
|-----------------------------------|-------------------------------------|-------------|---|
| 1. لهجه عرب 2. تنغ دالم باجاءن | 13 12 11 10 9 8 7 6 5 4 3 2 1 | | 1. جرمت دالم باجاءن 2. لنجر سبوتن حروف، لفظ دان ايات 3. ترفليهارا باريس حروف دان تشديد 4. وقف دان ابتداء 5. ترفليهارا سوسونن ايات 6. ترفليهارا درفد برنفس ددالم باجاءن |

جمله

مرکه دفراوليهي

جمله فوتوغن

مرکه فنوه

.....

تندا تاغن كتوا حاكيم

.....

نام كتوا حاكيم

.....

تندا تاغن حاكيم

.....

نام حاكيم

2. e-KALIMATUS SOBAH

PENGENALAN

- 2.1. Garis panduan ini diedarkan kepada semua Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah sebagai rujukan pengurusan aktiviti adab dan nilai yang berbentuk pertandingan secara dalam talian bagi tahun 2021. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama arahan terkini Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- 2.2. Pertandingan ini bertujuan untuk mengembangkan potensi murid Islam dalam **bidang pengucapan awam dalam Bahasa Arab sepenuhnya** berasaskan kurikulum pendidikan Islam.
- 2.3. Persembahan yang disampaikan adalah dalam keadaan **santai, kreatif, menarik perhatian dan menyentuh hati pendengar**.
- 2.4. Borang penyertaan haruslah dihantar kepada pihak urus setia pertandingan mengikut ketetapan berikut:

| Pelaksanaan Peringkat | Urus setia | Tempoh Penghantaran Bahan | Tempoh Penjurian |
|-----------------------|--|---------------------------|-------------------|
| 1. Daerah | Pejabat Pendidikan Daerah | 1 hingga 31 Mei 2021 | 1 – 10 Jun 2021 |
| 2. Negeri | Jabatan Pendidikan Negeri | 1 hingga 30 Jun 2021 | 1 – 10 Julai 2021 |
| 3. Kebangsaan | Sektor Pembangunan Adab dan Nilai, BPI KPM | 1 hingga 31 Julai 2021 | 19-22 Ogos 2021 |

TERMA DAN SYARAT

- 2.5. Penyertaan adalah terbuka kepada semua murid Islam sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2021.
- 2.6. Kategori penyertaan peserta adalah berdasarkan kelas yang didaftarkan pada tahun 2021.
- 2.7. Kategori pertandingan terbahagi kepada 4 iaitu:

| Kategori | Kelas |
|--------------------------------|-----------------|
| 1. Menengah Rendah - Lelaki | Tingkatan 1 – 3 |
| 2. Menengah Rendah - Perempuan | Tingkatan 1 – 3 |
| 3. Menengah Atas - Lelaki | Tingkatan 4 – 6 |
| 4. Menengah Atas - Perempuan | Tingkatan 4 – 6 |

2.8. Tema adalah seperti berikut:

2.8.1. Kategori menengah rendah:

| Tajuk | Tema |
|---|-------------|
| 1. آدابُ اسْتِعْمَالِ الْمَاءِ | الإجتماعيُّ |
| 2. الأوامرُ والنَّوَاهِي فِي الْمَكْتَبَةِ | التَّربويُّ |
| 3. احتفالُ العيدينِ فِي ماليزيا | السياحيُّ |
| 4. المهرجانُ الرِّياضيُّ فِي مدرستي | الرِّياضيُّ |
| 5. اليدُ العُلْيَا خَيْرٌ مِنَ اليدِ السُّفْلَى | الدِّينيُّ |

2.8.2. Kategori menengah atas:

| Tajuk | Tema |
|--|-------------|
| 1. أَهْمِيَّةُ الْعَمَلِ التَّطَوُّعِيِّ لَدَى الشَّبَابِ | الإجتماعيُّ |
| 2. الأَطْعَمَةُ الْمِثَالِيَّةُ لَدَى الطَّلَبَةِ الثَّانَوِيَّةِ | التَّربويُّ |
| 3. إيجابياتُ وسلبياتُ التسوقِ عَبْرَ الإنترنتِ | الاقتصاديُّ |
| 4. كَيْفِيَّةُ اكْتِسَابِ لِيَاقَةِ بَدَنِيَّةٍ عَالِيَةٍ | الرِّياضيُّ |
| 5. بُرُّ الوَالِدِينَ مِفْتَاحُ السَّعَادَةِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ | الدِّينيُّ |

2.9. Setiap murid hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan sahaja kepada urus setia di peringkat sekolah masing-masing. Penyertaan peringkat daerah, negeri dan kebangsaan berdasarkan kategori yang telah ditetapkan.

2.10. Semua rakaman penyertaan tidak boleh dimuat naik ke mana-mana portal/media sosial/blog sebelum keputusan diumumkan secara rasmi oleh pihak penganjur.

2.11. Semua rakaman penyertaan yang diterima oleh pihak penganjur akan menjadi hak milik Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. Pihak penganjur berhak menggunakan rakaman video tersebut dalam apa jua bentuk tujuan.

- 2.12. Setiap peserta perlu melengkapkan borang penyertaan secara dalam talian menggunakan aplikasi *google form* yang disediakan oleh urus setia di setiap peringkat dengan menyertakan item berikut:
- 2.12.1. acara;
 - 2.12.2. kategori;
 - 2.12.3. nama penuh;
 - 2.12.4. nombor kad pengenalan;
 - 2.12.5. jantina;
 - 2.12.6. nama kelas;
 - 2.12.7. nama sekolah;
 - 2.12.8. nama daerah;
 - 2.12.9. nama negeri;
 - 2.12.10. e-mel untuk dihubungi;
 - 2.12.11. nombor telefon untuk dihubungi; dan
 - 2.12.12. pautan rakaman video dari youtube (tetapan *unlisted*) atau sisipan (attachment).
- 2.13. Rakaman video persembahan perlu memenuhi kriteria berikut :
- 2.13.1. secara melintang (*landscape*).
 - 2.13.2. rakaman berkualiti tinggi.
 - 2.13.3. durasi rakaman tidak melebihi 5 minit.
 - 2.13.4. suara rakaman hendaklah asli tanpa unsur tambahan seperti gema (*echo*), lantunan (*reverb*) dan seumpamanya.
 - 2.13.5. suntingan audio dan video tidak dibenarkan.
 - 2.13.6. suntingan latar belakang layar hijau (*green screen*) tidak dibenarkan.
 - 2.13.7. rakaman tidak boleh mengandungi pengenalan diri, sekolah, daerah atau negeri.
 - 2.13.8. penghantaran video hendaklah menggunakan platform dalam talian (*online*) seperti *Telegram, Google Drive, Youtube* (tetapan *unlisted*), BIP dan lain-lain.
- 2.14. Kriteria di atas adalah bagi mengekalkan keaslian persembahan murid.
- 2.15. Penggunaan mikrofon sangat digalakkan bagi mendapatkan kualiti suara yang terbaik.
- 2.16. Pakaian peserta mestilah menutup aurat dengan sempurna dan sopan di mana peserta lelaki perlu berbaju kebangsaan yang lengkap; bersamping dan bersongkok hitam. Peserta perempuan pula perlu berbaju kurung, bertudung yang sempurna dan sopan.
- 2.17. Pihak penganjur berhak menolak atau membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak mengikut atau memenuhi terma dan syarat pertandingan.

PENILAIAN JURI

2.18. Setiap penyertaan akan melalui proses penilaian aspek berikut:

- 2.18.1. Penyampaian (40 markah)
- 2.18.2. Isi (30 markah)
- 2.18.3. Bahasa (30 markah)

2.19. Keputusan panel juri adalah MUKTAMAD dan sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dipertimbangkan.

2.20. Pemenang akan dimaklumkan melalui e-mel dan panggilan telefon oleh urus setia seperti berikut:

| Peringkat | Urus setia |
|---------------|---|
| 1. Daerah | Urus setia di Pejabat Pendidikan Daerah |
| 2. Negeri | Urus setia di Jabatan Pendidikan Negeri |
| 3. Kebangsaan | Urus setia di Kementerian Pendidikan Malaysia |

2.21. Hadiah akan disampaikan kepada pemenang pada tarikh yang akan ditetapkan oleh pihak penganjur kelak.

**BORANG PENJURIAN
PERTANDINGAN e-KALIMATUS SOBAH
SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2021
(SECARA DALAM TALIAN)**

| | |
|-------------------------|------------------------------|
| Nama peserta: | |
| Kategori: | |
| Pertandingan peringkat: | daerah / negeri / kebangsaan |
| Tajuk: | |
| Tarikh penjurian: | |

| Penyampaian 40 markah | Isi 30 markah | Bahasa 30 markah |
|--|---|--|
| <ol style="list-style-type: none"> 1. Persembahan yang lancar dan meyakinkan. 2. Sebutan yang fasih dan tepat. 3. Kesesuaian nada dan intonasi. 4. Pergerakan yang sesuai. 5. Pakaian yang menutup aurat dan sopan: <ol style="list-style-type: none"> i. Lelaki berbaju kebangsaan lengkap. ii. Perempuan berbaju kurung lengkap. | <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyampaikan sekurang-kurangnya 3 (tiga) isi. 2. Isi perlu disampaikan bersama huraian. 3. Setiap isi perlu disertakan dengan dalil sama ada nas Al-Quran, Hadis, kata hikmah atau fakta dan data yang disertakan dengan sumber. | <ol style="list-style-type: none"> 1. Bahasa Arab yang standard. 2. Tatabahasa yang betul. 3. Gaya bahasa yang menepati maksud. |
| Markah diperolehi: | Markah diperolehi: | Markah diperolehi: |

| | |
|---------------|--|
| Jumlah Markah | |
| Nama Juri | |
| Tandatangan | |

3. e-MIMBAR DAIE BAHASA MANDARIN

PENGENALAN

- 3.1. Garis panduan ini diedarkan kepada semua Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah sebagai rujukan pengurusan aktiviti adab dan nilai yang berbentuk pertandingan secara dalam talian bagi tahun 2021. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama arahan terkini Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- 3.2. Pertandingan ini bertujuan untuk mengembangkan potensi murid Islam dalam **bidang pengucapan awam kontemporari dalam Bahasa Mandarin** berasaskan kurikulum pendidikan Islam.
- 3.3. Persembahan yang disampaikan adalah dalam keadaan **santai, kreatif, menarik perhatian dan menyentuh hati pendengar**.
- 3.4. Borang penyertaan haruslah dihantar kepada pihak urus setia pertandingan mengikut ketetapan berikut:

| Pelaksanaan Peringkat | Urus setia | Tempoh Penghantaran Bahan | Tempoh Penjurian |
|-----------------------|--|---------------------------|-------------------|
| 1. Daerah | Pejabat Pendidikan Daerah | 1 hingga 31 Mei 2021 | 1 – 10 Jun 2021 |
| 2. Negeri | Jabatan Pendidikan Negeri | 1 hingga 30 Jun 2021 | 1 – 10 Julai 2021 |
| 3. Kebangsaan | Sektor Pembangunan Adab dan Nilai, BPI KPM | 1 hingga 31 Julai 2021 | 19-22 Ogos 2021 |

TERMA DAN SYARAT

- 3.5. Penyertaan adalah terbuka kepada semua murid Islam sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2021.
- 3.6. Kategori penyertaan peserta adalah berdasarkan kelas yang didaftarkan pada tahun 2021.
- 3.7. Kategori pertandingan terbahagi kepada 2 iaitu:

| Kategori | Kelas |
|-------------------------|----------------------------|
| 1. Menengah - Lelaki | Tingkatan peralihan, 1 – 6 |
| 2. Menengah - perempuan | Tingkatan peralihan, 1 – 6 |

- 3.8. Tema adalah seperti berikut:

- 3.8.1. Iman
- 3.8.2. Islam

- 3.8.3. Rasul
 - 3.8.4. Rezeki
 - 3.8.5. Solat
 - 3.8.6. Wudhuk
 - 3.8.7. Zakat
 - 3.8.8. Puasa
 - 3.8.9. Perkahwinan
 - 3.8.10. Adab musafir
 - 3.8.11. Adab menjaga alam
 - 3.8.12. Adab memberi sedekah
 - 3.8.13. Adab berjual beli
 - 3.8.14. Adab bernegara
 - 3.8.15. Adab dengan pemimpin
- 3.9. Setiap murid hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan sahaja kepada urus setia di peringkat sekolah masing-masing. Penyertaan peringkat daerah, negeri dan kebangsaan berdasarkan kategori yang telah ditetapkan.
- 3.10. Semua rakaman penyertaan tidak boleh dimuat naik ke mana-mana portal/media sosial/blog sebelum keputusan diumumkan secara rasmi oleh pihak penganjur.
- 3.11. Semua rakaman penyertaan yang diterima oleh pihak penganjur akan menjadi hak milik Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. Pihak penganjur berhak menggunakan rakaman video tersebut dalam apa jua bentuk tujuan.
- 3.12. Penganjur tidak bertanggungjawab atas sebarang tuntutan akibat pelanggaran hasil hakcipta. Peserta hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya sama ada sebelum, semasa atau selepas rakaman dihasilkan.
- 3.13. Setiap peserta perlu melengkapkan borang penyertaan secara dalam talian menggunakan aplikasi google form yang disediakan oleh urus setia di setiap peringkat dengan menyertakan item berikut:
- 3.13.1. acara;
 - 3.13.2. kategori;
 - 3.13.3. nama penuh;
 - 3.13.4. nombor kad pengenalan;
 - 3.13.5. jantina;
 - 3.13.6. nama kelas;
 - 3.13.7. nama sekolah;
 - 3.13.8. nama daerah;
 - 3.13.9. nama negeri;
 - 3.13.10. e-mel untuk dihubungi;
 - 3.13.11. nombor telefon untuk dihubungi; dan
 - 3.13.12. pautan rakaman video dari *youtube* (tetapan *unlisted*) atau sisipan (*attachment*).

3.14. Rakaman video persembahan perlu memenuhi kriteria berikut :

- 3.14.1. secara melintang (*landscape*).
- 3.14.2. rakaman berkualiti tinggi.
- 3.14.3. durasi rakaman tidak melebihi 5 minit.
- 3.14.4. suara rakaman hendaklah asli tanpa unsur tambahan seperti gema (*echo*), lantunan (*reverb*) dan seumpamanya.
- 3.14.5. suntingan audio dan video tidak dibenarkan.
- 3.14.6. suntingan latar belakang layar hijau (*green screen*) tidak dibenarkan.
- 3.14.7. rakaman tidak boleh mengandungi pengenalan diri, sekolah, daerah atau negeri.
- 3.14.8. penghantaran video hendaklah menggunakan platform dalam talian (*online*) seperti *Telegram*, *Google Drive*, *Youtube* (tetapan *unlisted*), BIP dan lain-lain.

3.15. Kriteria di atas adalah bagi mengekalkan keaslian persembahan murid.

3.16. Penggunaan mikrofon sangat digalakkan bagi mendapatkan kualiti suara yang terbaik.

3.17. Pakaian peserta mestilah menutup aurat dengan sempurna dan sopan di mana peserta lelaki perlu berbaju kebangsaan yang lengkap; bersamping dan bersongkok hitam. Peserta perempuan pula perlu berbaju kurung, bertudung yang sempurna dan sopan.

3.18. Pihak penganjur berhak menolak atau membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak mengikut atau memenuhi terma dan syarat pertandingan.

PENILAIAN JURI

3.19. Setiap penyertaan akan melalui proses penilaian aspek berikut:

- 3.19.1. Penyampaian (60 markah)
- 3.19.2. Isi (20 markah)
- 3.19.3. Bahasa (20 markah)

3.20. Keputusan panel juri adalah MUKTAMAD dan sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dipertimbangkan.

3.21. Pemenang akan dimaklumkan melalui e-mel dan panggilan telefon oleh urus setia seperti berikut:

| Peringkat | Urus setia |
|---------------|---|
| 1. Daerah | Urus setia di Pejabat Pendidikan Daerah |
| 2. Negeri | Urus setia di Jabatan Pendidikan Negeri |
| 3. Kebangsaan | Urus setia di Kementerian Pendidikan Malaysia |

- 3.22. Hadiah akan disampaikan kepada pemenang pada tarikh yang akan ditetapkan oleh pihak penganjur kelak.

**BORANG PENJURIAN
PERTANDINGAN e-MIMBAR DAIE BAHASA MANDARIN
SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2021
(SECARA DALAM TALIAN)**

| | |
|-------------------------|------------------------------|
| Nama peserta: | |
| Kategori: | |
| Pertandingan peringkat: | daerah / negeri / kebangsaan |
| Tajuk: | |
| Tarikh penjurian: | |

| Penyampaian 60 markah | Isi 20 markah | Bahasa 20 markah |
|--|--|---|
| <ol style="list-style-type: none"> 1. Pergerakan tubuh badan dan mimik muka (gaya tangan dan mimik muka) 2. Rapport dengan penonton (sapaan/fokus) 3. Kreativiti penyampaian (ceria/sedih/kecindan) | <ol style="list-style-type: none"> 1. Dalil naqli (ayat Al-Quran atau Hadith) (Mengandungi mesej utama tazkirah & kupasan) 2. Kupasan dalil (menyokong dalil naqli) 3. Analogi/Kisah teladan menyokong tajuk (menyokong mesej utama) 4. Mesej utama/tajuk (jelas idea dan mesej yang hendak disampaikan) | <ol style="list-style-type: none"> 1. Bahasa yang jelas (mudah difahami oleh pendengar) 2. Bacaan dalil naqli yang tepat (tajwid bagi ayat Al-Quran dan fasih sebutan bagi hadith) 3. Kelancaran kata (tidak tersekat/ tidak ulang ayat yang sama/ tidak gagap) 4. Intonasi yang sesuai (sesuai dengan emosi yang dibawa) |
| Markah diperolehi: | Markah diperolehi: | Markah diperolehi: |

| | |
|---------------|--|
| Jumlah Markah | |
| Nama Juri | |
| Tandatangan | |



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN
MAHAJAN KESENIAN ADAB DAN NILAI (MK ADNI)
SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
TAHUN 2021 (SECARA DALAM TALIAN)**

Disediakan oleh
Pembangunan Program Adab dan Nilai
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia
2021

KANDUNGAN**Garis Panduan Pertandingan**

1. e-Deklamasi Sajak dan Syair4
2. e-Kalam 'Arabiy.....11

SENARAI PERTANDINGAN

1. Berikut adalah senarai acara pertandingan secara dalam talian bagi tahun 2021:

| | Acara | Kategori | |
|-----|----------------------------------|------------------|-----------|
| 1. | e-Deklamasi Sajak Adab dan Nilai | Sekolah Rendah | Lelaki |
| 2. | e-Deklamasi Sajak Adab dan Nilai | Sekolah Rendah | Perempuan |
| 3. | e-Deklamasi Sajak Adab dan Nilai | Sekolah Menengah | Lelaki |
| 4. | e-Deklamasi Sajak Adab dan Nilai | Sekolah Menengah | Perempuan |
| 5. | e-Deklamasi Syair Adab dan Nilai | Sekolah Rendah | Lelaki |
| 6. | e-Deklamasi Syair Adab dan Nilai | Sekolah Rendah | Perempuan |
| 7. | e-Deklamasi Syair Adab dan Nilai | Sekolah Menengah | Lelaki |
| 8. | e-Deklamasi Syair Adab dan Nilai | Sekolah Menengah | Perempuan |
| 9. | e-Kalam 'Arabiy | Sekolah Rendah | Lelaki |
| 10. | e-Kalam 'Arabiy | Sekolah Rendah | Perempuan |

* Sekolah Rendah : Darjah satu hingga darjah enam
 Sekolah Menengah : Tingkatan peralihan hingga tingkatan enam

2. Kategori penyertaan peserta adalah berdasarkan kelas yang didaftarkan pada tahun 2021.
3. Pertandingan ini dilaksanakan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.

1.0 E-DEKLAMASI SAJAK DAN SYAIR ADAB DAN NILAI

PENGENALAN

- 1.1 Garis panduan ini diedarkan kepada semua Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah sebagai rujukan pengurusan aktiviti adab dan nilai yang berbentuk pertandingan secara dalam talian bagi tahun 2021. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama arahan terkini Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- 1.2 Pertandingan secara dalam talian ini dilaksanakan agar program pembangunan adab dan nilai dapat diteruskan bagi tahun 2021.

KATEGORI

| Acara | Kategori | |
|---------------------------------------|------------------|-----------|
| 1. Deklamasi Sajak Adab & Nilai Murid | Sekolah Rendah | Lelaki |
| 2. Deklamasi Sajak Adab & Nilai Murid | Sekolah Rendah | Perempuan |
| 3. Deklamasi Sajak Adab & Nilai Murid | Sekolah Menengah | Lelaki |
| 4. Deklamasi Sajak Adab & Nilai Murid | Sekolah Menengah | Perempuan |
| 5. Deklamasi Syair Adab & Nilai Murid | Sekolah Rendah | Lelaki |
| 6. Deklamasi Syair Adab & Nilai Murid | Sekolah Rendah | Perempuan |
| 7. Deklamasi Syair Adab & Nilai Murid | Sekolah Menengah | Lelaki |
| 8. Deklamasi Syair Adab & Nilai Murid | Sekolah Menengah | Perempuan |

DEFINISI

- 1.3 Deklamasi Sajak dan Syair Adab & Nilai bermaksud penghasilan dan pembacaan sajak dan syair yang membabitkan suara, sebutan, nada, intonasi, mimik muka, gerak badan dengan gaya bersesuaian yang memberi makna dan hubungkait terhadap teras nilai kemanusiaan. Ianya sebagai salah satu penjelmaan bagi ekspresi idea dan minda dalam pembentukan adab serta nilai bagi semua warganegara Malaysia.

PERATURAN UMUM

SYARAT UMUM PENYERTAAN

- 1.4 e-Pertandingan **Deklamasi Sajak dan Syair Adab & Nilai** terbuka kepada semua murid Sekolah Rendah tahun 1 hingga tahun 6 dan Sekolah Menengah tingkatan peralihan,1 hingga tingkatan 6 sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia **SAHAJA**.
- 1.5 Sajak dan Syair yang ditulis mestilah dalam Bahasa Melayu serta sesuai untuk bacaan umum.
- 1.6 Teks dan video deklamasi sajak dan syair yang dihasilkan mestilah karya ASLI penulis. Sebarang karya plagiat, terjemahan, atau karya yang pernah disiarkan di mana-mana penerbitan cetak atau digital adalah terbatal.
- 1.7 Karya tidak boleh menyentuh sensitiviti dan negatif mana-mana pihak.
- 1.8 Setiap peserta hanya boleh menghantar satu video deklamasi sajak dan syair.
- 1.9 Para peserta perlu mengisi borang penyertaan dan pengakuan keaslian karya yang dilampirkan. Ia perlu dihantar bersama dengan karya.
- 1.10 Karya yang dihantar menjadi hak milik penganjur. Pihak penganjur berhak menyunting, mencetak dan menerbitkan karya tersebut.
- 1.11 Borang penyertaan hendaklah dihantar kepada pihak urus setia pertandingan mengikut ketetapan berikut:

| Pelaksanaan | Urus setia | Tempoh Penghantaran Bahan | Tempoh Penjurian |
|-------------------------|--|------------------------------|------------------------|
| 1. Peringkat Daerah | Pejabat Pendidikan Daerah | 1 hingga 31 Mei 2021 | 1 hingga 10 Jun 2021 |
| 2. Peringkat Negeri | Sektor Pendidikan Islam, JPN | 1 hingga 30 Jun 2021 | 1 hingga 10 Julai 2021 |
| 3. Peringkat Kebangsaan | Sektor Pembangunan Adab dan Nilai, BPI KPM | 11 Julai hingga 13 Ogos 2021 | 27 hingga 29 Ogos 2021 |

- 1.12 Keputusan panel juri adalah muktamad.

SYARAT KHAS PERTANDINGAN

- 1.13 Penulisan sajak dan syair perlu mengambil kira perkara berikut:
- 1.13.1 Sajak dan syair yang dipilih untuk dideklamasikan mestilah ditulis sendiri dalam Bahasa Melayu.
 - 1.13.2 Sajak dan syair hendaklah ditaip di atas kertas A4 dalam jarak 1.5 langkau.
 - 1.13.3 Ditaip menggunakan font Arial bersaiz 12 dan dicetak pada sebelah muka setiap helaian.
 - 1.13.4 Sajak dan syair ditulis dalam lingkungan 20 hingga 25 baris sahaja (tuliskan bilangan baris pada hujung teks).
 - 1.13.5 Peserta digalakkan untuk menghafal dan menghayati sajak dan syair yang ingin dideklamasikan.
- 1.14 Pakaian peserta mestilah menutup aurat dengan sempurna dan sopan. Peserta lelaki perlu berbaju kebangsaan yang lengkap; bersamping dan bersongkok hitam. Peserta perempuan pula perlu berbaju kurung, bertudung yang sempurna. Aksesori tambahan dibenarkan.

CADANGAN TEMA SAJAK DAN SYAIR

- 1.15 Tema adalah seperti berikut:
- 1.15.1 Cinta kepada Negara
 - 1.15.2 Semangat Patriotik
 - 1.15.3 Toleransi
 - 1.15.4 Menghormati Kepelbagaian Kaum dan Etnik
 - 1.15.5 Bersatu-padu
 - 1.15.6 Hormati Kepelbagaian
 - 1.15.7 Menghargai anugerah alam sekitar
 - 1.15.8 Menghormati dan mentaati raja, pemimpin dan negara
 - 1.15.9 Amanah
 - 1.15.10 Menunaikan Hak Keluarga
 - 1.15.11 Mematuhi Peraturan dalam Komuniti
 - 1.15.12 Keberanian
 - 1.15.13 Menjaga kebersihan sekolah
 - 1.15.14 Berfikiran Positif
 - 1.15.15 Kebersamaan

- 1.15.16 Kemesraan
- 1.15.17 Menikmati kecemerlangan dan kegemilangan negara
- 1.15.18 Keharmonian
- 1.15.19 Keakraban
- 1.15.20 Menghargai dan menyayangi alam sekitar
- 1.15.21 Ketaatan
- 1.15.22 Memuliakan orang lain
- 1.15.23 Membentuk identiti warganegara yang setia
- 1.15.24 Berdisiplin
- 1.15.25 Integriti, Amanah dan Cekap
- 1.15.26 Bersyukur
- 1.15.27 Penghargaan
- 1.15.28 Menikmati Keamanan Negara

PENGHANTARAN KARYA

- 1.16 Setiap peserta perlu melengkapkan borang penyertaan secara dalam talian menggunakan aplikasi *google form* yang disediakan oleh urus setia di setiap peringkat dengan menyertakan item berikut:
 - 1.16.1 acara;
 - 1.16.2 kategori;
 - 1.16.3 nama penuh;
 - 1.16.4 nombor kad pengenalan;
 - 1.16.5 jantina;
 - 1.16.6 agama;
 - 1.16.7 nama kelas;
 - 1.16.8 nama sekolah;
 - 1.16.9 nama daerah;
 - 1.16.10 nama negeri;
 - 1.16.11 e-mel untuk dihubungi;
 - 1.16.12 nombor telefon untuk dihubungi;
 - 1.16.13 pautan rakaman video dari *youtube* (tetapan *unlisted*) atau sisipan (*attachment*); dan
 - 1.16.14 dokumen teks sajak dan syair.
- 1.17 Rakaman video persembahan perlu memenuhi kriteria berikut :
 - 1.17.1 secara melintang (landscape).
 - 1.17.2 rakaman berkualiti tinggi.
 - 1.17.3 durasi rakaman antara 3 hingga 5 minit.

- 1.17.4 suara rakaman hendaklah asli tanpa unsur tambahan seperti gema (echo), lantunan (reverb) dan seumpamanya.
- 1.17.5 suntingan audio dan video tidak dibenarkan.
- 1.17.6 suntingan latar belakang layar hijau (green screen) tidak dibenarkan.
- 1.17.7 rakaman tidak boleh mengandungi pengenalan diri, sekolah, daerah atau negeri.
- 1.17.8 penghantaran video hendaklah menggunakan platform dalam talian (online) seperti *Telegram*, *Google Drive*, *Youtube* (tetapan unlisted), *BIP* dan lain-lain.
- 1.18 Kriteria di atas adalah bagi mengekalkan keaslian persembahan murid.
- 1.19 Karya yang dihantar menjadi hak milik penganjur. Pihak penganjur berhak menyunting, mencetak dan menerbitkan bahan tersebut. Hak cipta karya yang dihantar menjadi milik penganjur.
- 1.20 Keputusan panel juri adalah **MUKTAMAD** dan sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dipertimbangkan.
- 1.21 Pemenang akan dimaklumkan melalui e-mel atau panggilan telefon urus setia berikut:

| PERINGKAT | URUS SETIA |
|------------|---------------------------------|
| Daerah | Pejabat Pendidikan Daerah |
| Negeri | Jabatan Pendidikan Negeri |
| Kebangsaan | Kementerian Pendidikan Malaysia |

- 1.22 Hadiah akan disampaikan kepada pemenang pada tarikh yang akan ditetapkan oleh pihak penganjur kelak.

**PERAKUAN KEASLIAN KARYA e-PERTANDINGAN DEKLAMASI
SAJAK DAN SYAIR ADAB & NILAI
KATEGORI MURID PERINGKAT KPM (TAHUN 2021)**

Saya (.....) bernombor kad pengenalan

(.....) dengan ini mengakui bahawa:

1. Semua butiran diri yang diberikan adalah benar.
2. Karya yang dihantar adalah hasil tulisan saya sendiri sepenuhnya.
3. Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap karya yang dihantar dari segi kesahihan fakta dan bebas daripada unsur plagiat, terjemahan, atau karya yang pernah disiarkan di mana-mana penerbitan
4. Bersetuju bahawa hasil karya ini akan menjadi milik penganjur untuk disunting dicetak dan diterbitkan.

Tandatangan :

Nama :

No. Kad

Pengenalan :

Pengesahan Pengetua

Tandatangan :

Cop jawatan :

Untuk rekod Urus setia

Tarikh Terima :

Nama penerima :

**BORANG PENJURIAN e-PERTANDINGAN DEKLAMASI
SAJAK DAN SYAIR ADAB & NILAI
KATEGORI MURID PERINGKAT KPM (TAHUN 2021)**

| | |
|-------------------------|------------------------------|
| Nama peserta: | |
| Jenis pertandingan: | sajak / syair |
| Kategori: | murid SK / murid SM |
| Pertandingan peringkat: | daerah / negeri / kebangsaan |
| Tajuk sajak/syair: | |
| Tarikh penjurian: | |

| Suara 60 markah | Gaya/Teknik 40 markah |
|-----------------------------------|----------------------------------|
| Vokal (15 markah) | Memek muka (10 markah) |
| Intonasi (15 markah) | Penghayatan (10 markah) |
| Nada (15 markah) | Bahasa Tubuh (10 markah) |
| Kelancaran Artikulasi (15 markah) | Penampilan/Keyakinan (10 markah) |
| Markah diperolehi: | Markah diperolehi: |

| | |
|---------------|--|
| Jumlah Markah | |
| Nama Juri | |
| Tandatangan | |

2.0 e-KALAM 'ARABIY

PENGENALAN

- 2.1 Garis panduan ini diedarkan kepada semua Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah sebagai rujukan pengurusan aktiviti adab dan nilai yang berbentuk pertandingan secara dalam talian bagi tahun 2021. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama arahan terkini Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- 2.2 Pertandingan secara dalam talian ini dilaksanakan agar program pembangunan adab dan nilai dapat diteruskan bagi tahun 2021.
- 2.3 Pertandingan ini bertujuan untuk mencungkil bakat serta meningkatkan keyakinan diri murid melalui persembahan bicara mereka dalam keadaan santai, kreatif dan menarik perhatian dengan menggunakan medium bahasa Arab.

TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN

- 2.4 Penyertaan adalah terbuka kepada semua murid sekolah rendah Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2021.
- 2.5 Kategori pertandingan terbahagi kepada dua iaitu:

| Kategori | Kelas |
|-------------------------------|------------|
| 1. Sekolah Rendah - Lelaki | Tahun 1- 6 |
| 2. Sekolah Rendah - Perempuan | Tahun 1- 6 |

- 2.6 Setiap murid hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan sahaja kepada urus setia di peringkat sekolah masing-masing. Penyertaan peringkat daerah, negeri dan kebangsaan berdasarkan kategori yang telah ditetapkan.
- 2.7 Semua rakaman penyertaan tidak boleh dimuat naik ke mana-mana portal/ media sosial/ blog sebelum keputusan diumumkan secara rasmi oleh pihak penganjur.
- 2.8 Semua rakaman penyertaan yang diterima oleh pihak penganjur akan menjadi hak milik Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. Pihak penganjur berhak menggunakan rakaman video tersebut dalam apa jua bentuk tujuan.
- 2.9 Pihak penganjur berhak menolak atau membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak mengikut atau memenuhi terma dan syarat pertandingan.

- 2.10 Setiap peserta perlu melengkapkan borang penyertaan secara dalam talian menggunakan aplikasi *google form* yang disediakan oleh urus setia di setiap peringkat dengan menyertakan item berikut:
- 2.10.1 Acara;
 - 2.10.2 Kategori;
 - 2.10.3 Nama penuh;
 - 2.10.4 Nombor kad pengenalan;
 - 2.10.5 Jantina;
 - 2.10.6 Agama;
 - 2.10.7 Nama kelas;
 - 2.10.8 Nama sekolah;
 - 2.10.9 Nama daerah;
 - 2.10.10 Nama negeri;
 - 2.10.11 Alamat e-mel untuk dihubungi;
 - 2.10.12 Nombor telefon untuk dihubungi;
 - 2.10.13 Pautan rakaman video dari *youtube* (tetapan *unlisted*) atau sisipan (*attachment*); dan
 - 2.10.14 Dokumen teks Kalam 'Arabiy.
- 2.11 Rakaman video persembahan perlu memenuhi kriteria berikut :
- 2.11.1 secara melintang (*landscape*);
 - 2.11.2 rakaman berkualiti tinggi;
 - 2.11.3 durasi rakaman tidak melebihi 7 minit;
 - 2.11.4 suara rakaman hendaklah asli tanpa unsur tambahan seperti gema (*echo*), lantunan (*reverb*) dan seumpamanya;
 - 2.11.5 suntingan audio dan video tidak dibenarkan;
 - 2.11.6 suntingan latar belakang layar hijau (*green screen*) tidak dibenarkan;
 - 2.11.7 rakaman tidak boleh mengandungi pengenalan diri, sekolah, daerah atau negeri; dan
 - 2.11.8 penghantaran video hendaklah menggunakan platform dalam talian (*online*) seperti *Telegram*, *Google Drive*, *Youtube* (tetapan *unlisted*), *BIP* dan lain-lain.
- 2.12 Kriteria di atas adalah bagi mengekalkan keaslian persembahan murid.
- 2.13 Penggunaan mikrofon sangat digalakkan bagi mendapatkan kualiti suara yang terbaik.
- 2.14 Pakaian peserta mestilah menutup aurat dengan sempurna dan sopan di mana peserta lelaki perlu berbaju kebangsaan yang lengkap; bersamping dan bersongkok hitam. Peserta perempuan pula perlu berbaju kurung, bertudung yang sempurna dan sopan.

- 2.15 Pihak penganjur berhak menolak atau membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak mengikut atau memenuhi terma dan syarat pertandingan.
- 2.16 Borang penyertaan haruslah dihantar kepada pihak urus setia pertandingan bermula pada tarikh seperti berikut:

| PELAKSANAAN | URUS SETIA | TEMPOH PENGHANTARAN BAHAN | TEMPOH PENJURIAN |
|----------------------|------------------------------|---------------------------|-------------------|
| Peringkat Daerah | Pejabat Pendidikan Daerah | 1 – 31 Mei 2021 | 1 – 10 Jun 2021 |
| Peringkat Negeri | Sektor Pendidikan Islam, JPN | 1 – 30 Jun 2021 | 1 – 10 Julai 2021 |
| Peringkat Kebangsaan | Sektor PPADNI, BPI KPM | 11 Julai – 13 Ogos 2021 | 27 – 29 Ogos 2021 |

PAKAIAN PESERTA

- 2.17 Pakaian peserta mestilah menutup aurat dengan sempurna dan sopan di mana peserta lelaki perlu berbaju kebangsaan yang lengkap; bersamping, bersongkok hitam dan berkasut. Manakala peserta perempuan pula perlu berbaju kurung, bertudung yang sempurna dan sopan serta berkasut.
- 2.18 Semua peserta tidak dibenarkan memakai sebarang tanda pengenalan sekolah, daerah atau negeri.

TAJUK PERSEMBAHAN

- 2.19 Peserta hendaklah memilih salah-satu daripada tema-tema berikut:

| BIL | TEMA | SUKATAN |
|-----|---|---------|
| 1 | <i>Bilaadiy</i> بلادي | Tahun 6 |
| 2 | <i>Al-Ma'kulaat wal Masyrubaat</i> الماكولات و المشروبات | Tahun 5 |
| 3 | <i>Hawlal Madrasah</i> حول المدرسة | Tahun 4 |
| 4 | <i>Al-Zamaan</i> الزمان | Tahun 3 |
| 5 | <i>Al-Adawaatu Ad-diraasah</i> الأدوات الدراسة | Tahun 2 |

- 2.20 Satu salinan teks persembahan tersebut hendaklah diserahkan kepada urus setia pertandingan melalui e-mel.

CARA PENYAMPAIAN

2.21 Perkara yang **dibenar** dan **tidak dibenar** dalam penyampaian adalah seperti berikut:

2.21.1 Peserta **dibenarkan** untuk menggunakan syair/ gurindam/ pantun/ sajak/ nasyid (ala padang pasir atau kontemporari).

2.21.2 Peserta **tidak dibenarkan** menggunakan sebarang alat sokongan.

2.21.3 Peserta **tidak dibenarkan** mendapat sebarang tunjuk ajar atau bantuan dalam bentuk isyarat atau apa medium sekalipun semasa persembahan.

2.22 Setiap persembahan hendaklah mengandungi:

2.22.1 Lafaz salam dan saluti.

2.22.2 Tajuk bicara dan pengenalan.

2.22.3 Isi yang sempurna huraian yang mengandungi:

- i) Isi kandungan
- ii) Huraian isi
- iii) Huraian lengkap (contoh/ dalil/ kesan)
- iv) Kesimpulan isi

2.22.4 Penutup

PENILAIAN JURI

2.23 Setiap penyertaan akan melalui proses penilaian aspek berikut:

2.23.1 Penyampaian (40 markah).

2.23.2 Isi (30 markah).

2.23.3 Bahasa (30 markah)

2.24 Keputusan panel juri adalah **MUKTAMAD** dan sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dipertimbangkan.

- 2.25 Pemenang akan dimaklumkan melalui e-mel atau panggilan telefon urus setia berikut:

| PERINGKAT | URUS SETIA |
|------------------|---------------------------------|
| Daerah | Pejabat Pendidikan Daerah |
| Negeri | Jabatan Pendidikan Negeri |
| Kebangsaan | Kementerian Pendidikan Malaysia |

- 2.26 Hadiah akan disampaikan kepada pemenang pada tarikh yang akan ditetapkan oleh pihak penganjur kelak.

Disediakan oleh:
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia

**BORANG PENJURIAN
PERTANDINGAN e-KALAM 'ARABIY
SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2021**

| | |
|-------------------------|------------------------------|
| Nama peserta: | |
| Kategori: | |
| Pertandingan peringkat: | daerah / negeri / kebangsaan |
| Tajuk tazkirah: | |
| Tarikh penjurian: | |

| Penyampaian (40 markah) | Isi (30 markah) | Bahasa (30 markah) |
|--|--|---|
| Kelancaran: 15 markah Kesesuaian nada dan gaya: 15 markah Meyakinkan: 10 markah | Kata aluan = 2 Pengenalan tajuk = 2 <u>Isi (4) = 24</u> Isi kandungan = 1 Huraian isi = 2 Huraian lengkap (contoh/ daliil/ kesan) = 2 Kesimpulan isi = 1 Penutup penyampaian 2 | Nahu 10 Uslub 5 <i>Lahjah</i> 15 <ul style="list-style-type: none"> • Penilaian kepada nahu, uslub dan <i>lahjah</i>. • Setiap 2 kesalahan nahu dipotong 1 markah. |
| Markah diperolehi: | Markah diperolehi: | Markah diperolehi: |

| | |
|---------------|--|
| Jumlah Markah | |
| Nama Juri | |
| Tandatangan | |



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN
KARNIVAL FITRAH MURID ORANG ASLI (KAFOA)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
TAHUN 2021
(SECARA DALAM TALIAN)**

Disediakan oleh:

**Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia**

KANDUNGAN

| | |
|---|----|
| SENARAI PERTANDINGAN | 3 |
| 1. e-TILAWAH MOA | 4 |
| 2. e-HAFAZAN MOA..... | 7 |
| 3. e-DAIE CILIK MOA | 13 |
| 4. e-AZAN DAN IQAMAH MOA..... | 17 |
| 5. e-NYANYIAN SOLO LAGU KEROHANIAN MOA..... | 20 |

SENARAI PERTANDINGAN

1. Berikut adalah senarai acara pertandingan yang dipertandingkan secara dalam talian bagi tahun 2021:

| Bil | Acara | Sekolah | Kategori | |
|------------|---|----------------|-----------------|-----------|
| 1 | e-Tarannum Murid Orang Asli (MOA) | Rendah | Lelaki | Perempuan |
| 2 | e-Hafazan Al-Quran Murid Orang Asli (MOA) | Rendah | Lelaki | Perempuan |
| 3 | e-Daie Cilik Murid Orang Asli (MOA) | Rendah | Lelaki | Perempuan |
| 4 | e-Azan dan Iqamah Murid Orang Asli (MOA) | Rendah | Lelaki | |
| 5 | e-Pertandingan Nyanyian Solo Lagu Kerohanian Murid Orang Asli (MOA) | Rendah | Lelaki | Perempuan |

2. Kategori penyertaan peserta adalah berdasarkan kelas yang didaftarkan pada tahun 2021.
3. Pertandingan ini dipertandingkan bermula di peringkat negeri dan kebangsaan secara dalam talian.
4. Semua pertandingan berdasarkan syarat dan peraturan bagi setiap kategori yang dipertandingkan.

1. e-TILAWAH AL-QURAN MOA

PENGENALAN

- 1.1. Garis panduan ini diedarkan kepada semua Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah sebagai rujukan pengurusan aktiviti adab dan nilai yang berbentuk pertandingan secara dalam talian bagi tahun 2021. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama arahan terkini Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- 1.2. Pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan **murid orang asli beragama Islam** menceburi acara Tilawah Al-Quran secara dalam talian.
- 1.3. Borang penyertaan haruslah dihantar kepada pihak urus setia pertandingan mengikut ketetapan berikut:

| Peringkat | Urus setia | Tempoh penghantaran Bahan | Tempoh Penjurian |
|---------------|--|-----------------------------|---------------------------------------|
| 1. Negeri | Jabatan Pendidikan Negeri | 01 Jun hingga 30 Jun 2021 | 01 Julai hingga 10 Julai 2021 |
| 2. Kebangsaan | Sektor Pembangunan Adab dan Nilai, BPI KPM | 01 Ogos hingga 31 Ogos 2021 | 24 September hingga 26 September 2021 |

TERMA DAN SYARAT

- 1.4. Penyertaan adalah terbuka kepada semua **murid orang asli beragama Islam** sekolah- sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2021.
- 1.5. Kategori penyertaan peserta adalah berdasarkan kelas yang didaftarkan pada tahun 2021.
- 1.6. Kategori pertandingan terbahagi kepada 2 iaitu :

| Bil | Kategori | Kelas | Ayat Al-Quran |
|-----|----------------------------|-------------|--|
| 1 | Sekolah Rendah - Lelaki | Tahun 1 - 6 | Dipilih daripada mana- mana ayat dalam juzuk ketiga puluh (juz 'Amma) sahaja yang difikirkan sesuai |
| 2 | Sekolah Rendah - Perempuan | Tahun 1 - 6 | |

- 1.7. Setiap murid hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan sahaja kepada urus setia diperingkat sekolah masing-masing. Penyertaan peringkat negeri dan kebangsaan berdasarkan kategori yang telah ditetapkan.
- 1.8. Semua rakaman penyertaan tidak boleh dimuat naik ke mana-mana portal/media sosial/blog sebelum keputusan diumumkan secara rasmi oleh pihak penganjur.
- 1.9. Semua rakaman penyertaan yang diterima oleh pihak penganjur akan menjadi hak milik Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. Pihak penganjur berhak menggunakan rakaman video tersebut dalam apa jua bentuk tujuan.
- 1.10. Pihak penganjur berhak menolak atau membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak mengikut atau memenuhi terma dan syarat pertandingan.
- 1.11. Setiap peserta perlu melengkapkan borang penyertaan secara dalam talian menggunakan aplikasi *google form* yang disediakan oleh urus setia di setiap peringkat dengan menyertakan item berikut:
 - 1.11.1 acara;
 - 1.11.2 kategori;
 - 1.11.3 nama penuh;
 - 1.11.4 nombor kad pengenalan;
 - 1.11.5 jantina;
 - 1.11.6 nama kelas;
 - 1.11.7 nama sekolah;
 - 1.11.8 nama daerah;
 - 1.11.9 nama negeri;
 - 1.11.10 e-mel untuk dihubungi;
 - 1.11.11 nombor telefon untuk dihubungi; dan
 - 1.11.12 Pautan rakaman video dari *youtube* (tetapan *unlisted*) atau sisipan (*attachment*).
- 1.12. Rakaman video persembahan perlu memenuhi kriteria berikut:
 - 1.12.1 secara melintang (*landscape*).
 - 1.12.2 rakaman berkualiti tinggi.
 - 1.12.3 durasi rakaman tidak melebihi 5 minit.
 - 1.12.4 suara rakaman hendaklah asli tanpa unsur tambahan seperti gema (*echo*), lantunan (*reverb*) dan seumpamanya.
 - 1.12.5 suntingan audio dan video tidak dibenarkan.
 - 1.12.6 suntingan latar belakang layar hijau (*green screen*) tidak dibenarkan.
 - 1.12.7 rakaman tidak boleh mengandungi pengenalan diri, sekolah, daerah atau negeri.
 - 1.12.8 penghantaran video hendaklah menggunakan platform dalam talian (*online*) seperti *Telegram*, *Google Drive*, *Youtube* (tetapan *unlisted*), BIP dan lain-lain.

- 1.13. Kriteria di atas adalah bagi mengekalkan keaslian persembahan murid.
- 1.14. Penggunaan mikrofon sangat digalakkan bagi mendapatkan kualiti suara yang terbaik.
- 1.15. Pakaian peserta mestilah menutup aurat dengan sempurna dan sopan di mana peserta lelaki perlu berbaju kebangsaan yang lengkap; bersamping dan bersongkok hitam. Peserta perempuan pula perlu berbaju kurung, bertudung yang sempurna dan sopan.
- 1.16. Pihak penganjur berhak menolak atau membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak mengikut atau memenuhi terma dan syarat pertandingan.

PENILAIAN JURI

- 1.17. Setiap penyertaan akan melalui proses penilaian aspek berikut:
 - 1.17.1 Tajwid **(35 markah)**
 - 1.17.2 Tarannum **(20 markah)** *minima 2 lagu tarannum*
 - 1.17.3 Fasahah **(25 markah)**
 - 1.17.4 Suara **(20 markah)**
- 1.18. Borang penjurian adalah seperti di lampiran 1.
- 1.19. Keputusan panel kehakiman adalah MUKTAMAD dan sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dipertimbangkan.
- 1.20. Pemenang akan dimaklumkan melalui e-mel dan panggilan telefon oleh urus setia seperti berikut:

| Peringkat | Urus setia |
|------------------|---|
| 1. Negeri | Urus setia di Jabatan Pendidikan Negeri |
| 2. Kebangsaan | Urus setia di Kementerian Pendidikan Malaysia |

- 1.21. Hadiah akan disampaikan kepada pemenang pada tarikh yang akan ditetapkan oleh pihak penganjur kelak.

2. e-HAFAZAN AL-QURAN MOA

PENGENALAN

- 2.1. Garis panduan ini diedarkan kepada semua Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah sebagai rujukan pengurusan aktiviti adab dan nilai yang berbentuk pertandingan secara dalam talian bagi tahun 2021. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama arahan terkini Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- 2.2. Pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan **murid orang asli beragama Islam** menceburi acara hafazan secara dalam talian.
- 2.3. Borang penyertaan haruslah dihantar kepada pihak urus setia pertandingan mengikut ketetapan berikut:

| Peringkat | Urus setia | Tempoh penghantaran Bahan | Tempoh Penjurian |
|---------------|--|-----------------------------|---------------------------------------|
| 1. Negeri | Jabatan Pendidikan Negeri | 01 Jun hingga 30 Jun 2021 | 01 Julai hingga 10 Julai 2021 |
| 2. Kebangsaan | Sektor Pembangunan Adab dan Nilai, BPI KPM | 01 Ogos hingga 31 Ogos 2021 | 24 September hingga 26 September 2021 |

TERMA DAN SYARAT

- 2.4. Penyertaan adalah terbuka kepada semua **murid orang asli beragama Islam** sekolah- sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2021.
- 2.5. Kategori pertandingan terbahagi kepada 2 iaitu:

| Bil | Kategori | Kelas |
|-----|----------------------------|-------------|
| 1 | Sekolah Rendah - Lelaki | Tahun 1 - 6 |
| 2 | Sekolah Rendah - Perempuan | Tahun 1 - 6 |

MEDIUM PERTANDINGAN

- 2.6. Pertandingan hendaklah dijalankan sepenuhnya secara **sidang video (video conference)** dengan menggunakan aplikasi maya berikut:
- 2.6.1 **Whatsapp** : Aplikasi maya untuk tujuan perhubungan serta menghimpunkan para peserta, hakim, urus setia dan guru pengiring.
 - 2.6.2 **Zoom** : Bilik Pertandingan Maya 1 (pilihan 1).
 - 2.6.3 **Google Meet** : Bilik Pertandingan Maya 2 (pilihan 2).
 - 2.6.4 Apa-apa aplikasi maya yang dirasakan sesuai (pilihan 3).
- 2.7. Pihak urus setia boleh memilih salah satu aplikasi *Zoom*, *Google Meet* dan aplikasi maya lain yang dirasakan sesuai sebagai Bilik Pertandingan Maya.
- 2.8. Sekiranya peserta menggunakan *Zoom*, guru pengiring / ketua kontinjen hendaklah memastikan komputer / komputer riba yang akan digunakan oleh peserta telah dipasang aplikasi *Zoom*.
- 2.9. Manakala jika peserta menggunakan *Google Meet*, guru pengiring / ketua kontinjen hendaklah memastikan komputer / komputer riba yang akan digunakan oleh peserta telah dipasang aplikasi *Google Chrome* dan *Google Meet Grid View*.
- 2.10. Penggunaan aplikasi maya yang lain perlu diselaraskan mengikut kesesuaian tempat dan pertandingan.
- 2.11. Pertandingan secara maya hendaklah dilaksanakan dengan menggunakan medium dan peralatan berikut:
- 2.11.1 Talian / akses internet,
 - 2.11.2 Komputer / komputer riba,
 - 2.11.3 Fon kepala / fon telinga (bukan wireless / bluetooth), dan
 - 2.11.4 Kain penutup mata berwarna hitam (dilipat dua) / penutup mata tidur.
- 2.12. Peserta tidak dibenarkan menggunakan telefon / *smart phone* sebagai medium pertandingan bagi mengelakkan gangguan semasa ujian.
- 2.13. Ketua kontinjen atau guru pengiring hendaklah memastikan bahawa segala medium dan peralatan yang akan digunakan oleh peserta berfungsi dengan sempurna. Justeru, pihak sekolah, PPD dan JPN disarankan agar melakukan sesi raptai (*rehearsal*) bagi memastikan kelancaran perjalanan ujian para peserta yang mewakili sekolah, daerah dan negeri masing-masing.
- 2.14. Pihak urus setia (PPD / JPN / KPM) mestilah memastikan segala medium dan peralatan teknikal khususnya yang akan digunakan oleh para hakim juga berfungsi dengan sempurna.

PENGUNDIAN

- 2.15. Pengundian dilakukan secara maya menggunakan aplikasi-aplikasi seperti di atas mengikut budi bicara pihak penganjur / urus setia.
- 2.16. Cabutan undian dilakukan oleh ketua kontinjen atau wakilnya. Sekiranya tiada wakil, cabutan undian akan dilakukan oleh urus setia yang bertugas.
- 2.17. Cabutan soalan hafazan peserta dilaksanakan di hadapan Hakim Fatih dan Munabbih di Bilik Pertandingan Maya.

PAKAIAN

- 2.18. Pakaian peserta mestilah menutup aurat dengan sempurna dan sopan di mana peserta lelaki perlu berbaju kebangsaan yang lengkap; bersamping dan bersongkok hitam. Peserta perempuan pula perlu berbaju kurung, bertudung yang sempurna dan sopan.

ASPEK PENGHAKIMAN

- 2.19. Setiap penyertaan akan melalui proses penilaian aspek berikut:
 - 2.19.1 Hafaz dan lancar (40 markah)
 - 2.19.2 Tajwid (30 markah)
 - 2.19.3 Fasahah (20 markah)
 - 2.19.4 Suara dan gaya (10 markah)
- 2.20. Borang penjurian adalah seperti di lampiran 2.

SURAH-SURAH HAFAZAN

- 2.21. Senarai surah-surah hafazan **sekolah rendah** peringkat negeri dan kebangsaan adalah seperti berikut:

Ayat-ayat lazim iaitu bermula dari surah ad-Dhuha (surah ke 93) hingga surah an-Nas (surah ke 114) KECUALI Surah Al-Bayyinah.

BENTUK UJIAN

- 2.22. Setiap peserta diuji bacaan Al-Quran secara hafaz dengan lisan melalui beberapa surah yang telah ditetapkan dengan mengambil kira beberapa aspek seperti kelancaran, tajwid, fasahah dan suara.

- 2.23. Surah Al-Fatihah tidak dimasukkan ke dalam silibus soalan dan ujian Hafazan Al-Quran.
- 2.24. Hanya empat soalan yang akan diajukan kepada peserta daripada set soalan yang dipilih.
- 2.25. Tiada had masa yang diperuntukkan untuk menjawab soalan, namun Hakim Fatih dan Munabbih berhak menamatkan sesi ujian mana-mana peserta sekiranya peserta dilihat tidak lancar dalam bacaan serta mengambil masa terlalu lama untuk menjawab.

BENTUK BACAAN

- 2.26. Peserta dikehendaki menghafaz dan menjawab soalan mengikut bacaan *tadwir* sahaja.

STRATEGI PELAKSANAAN

- 2.27. Pihak sekolah mengenalpasti seorang murid lelaki dan seorang murid perempuan (maksimum 2 orang) yang berpotensi mewakili sekolah dalam acara hafazan ke pertandingan peringkat negeri.
- 2.28. Pihak JPN menghantar maksimum 2 orang peserta (seorang lelaki dan seorang perempuan ke pertandingan peringkat kebangsaan.
- 2.29. Lokasi pelaksanaan pertandingan adalah seperti berikut:
 - 2.29.1 dilaksanakan di PPD masing-masing, manakala para hakim membuat penjurian di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).
 - 2.29.2 Pertandingan peringkat kebangsaan dilaksanakan di JPN masing-masing, manakala para hakim membuat penjurian di Bahagian Pendidikan Islam (BPI), KPM.
- 2.30. Pihak sekolah dan pihak penganjur / urus setia hendaklah menitikberatkan pelaksanaan jarak sosial (*social distancing*) di lokasi pertandingan, tidak melibatkan perhimpunan yang ramai (melebihi 10 orang) serta mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) dan langkah-langkah keselamatan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

KAEDAH PERTANDINGAN

- 2.31. Satu *whatsapp group* ditubuhkan bagi menghimpunkan peserta-peserta hafazan, guru- guru pengiring, ketua-ketua kontinjen, pihak penganjur / urus setia dan hakim-hakim yang terlibat.

- 2.32. Sesi pertandingan akan dilaksanakan di Bilik Pertandingan Maya menggunakan aplikasi *Zoom*, *Google Meet* atau lain-lain aplikasi yang menghimpunkan beberapa orang iaitu:
- 2.32.1 Ketua Hakim (Pegawai PPD / JPN / KPM),
 - 2.32.2 Hakim Fatih dan Munabbih (seorang),
 - 2.32.3 Hakim Hafaz dan Lancar (seorang),
 - 2.32.4 Hakim Tajwid (seorang),
 - 2.32.5 Hakim Fasahah (seorang),
 - 2.32.6 Hakim Suara & Gaya (seorang),
 - 2.32.7 Peserta Hafazan, dan
 - 2.32.8 Seorang ketua kontinjen / wakil (bagi peserta terlibat sahaja).
- 2.33. Sekiranya pertandingan di peringkat daerah, Ketua Hakim hendaklah terdiri daripada pegawai PPD. Manakala pertandingan di peringkat negeri, Ketua Hakim adalah pegawai daripada JPN. Begitu juga pertandingan di peringkat kebangsaan, Ketua Hakim adalah terdiri daripada pegawai BPI KPM.
- 2.34. Pautan (link) pertandingan daripada aplikasi *Zoom*, *Google Meet* atau lain-lain aplikasi (Bilik Pertandingan Maya) akan dihantar oleh Ketua Hakim melalui *Whatsapp Group*. Peserta yang dipanggil dikehendaki memasuki Bilik Pertandingan Maya dengan menekan pautan tersebut.
